

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

NBD SAMBUT AIDILFITRI ESOK



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei semasa bersidang mengenai hasil merukyah anak bulan Syawal 1445 Hijrah yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Pembangunan. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3).

Memperluaskan kerjasama dalam bidang perundangan

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib telah menerima kunjungan hormat

daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon, hari ini.

>> Muka 2

Penyerahan Zakat Perniagaan, Wang Simpanan

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 April. - Bulan Ramadan sering dikaitkan dengan kewajipan membayar zakat sama ada Zakat Fitrah mahupun Zakat Harta.

Sehubungan dengan itu, petang tadi diadakan majlis penyerahan Zakat Perniagaan dan Zakat Wang Simpanan dari syarikat-syarikat diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) telah menyerahkan Zakat Wang Simpanan Pelanggan berjumlah BND4,139,431.89 yang diserahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
f Pelita Brunei @ pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



RINGKANKAN beban, bantu persiapan raikan Ailfitri

Muka 6



PELANCARAN produk direktori pelancongan

Muka 10



ACARA keagamaan terus semarakkan Ramadan

Muka 17



RENCANA

FENOMENA raya dahulu, sekarang

Muka 21

Kembara Amal Ramadan : Ringankan beban masyarakat memerlukan

Siaran Akhbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan hari ini menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan secara serentak di keempat-empat daerah bagi tahun 1445H / 2024M bagi menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan asas kepada 17 buah keluarga daripada golongan susah yang tersenarai di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) termasuklah penerima bantuan kebajikan bulanan, anak yatim, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Bagi Daerah Tutong, rombongan Kembara Amal Ramadan diketuai ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Sebanyak lima buah rumah dikunjungi yang dimulai dari Kampung Bukit Beruang; Kampung Serembangun; Kampung Luagan Dudok; Kampung Bakiau Kiudang dan Kampung Kupang.

>> Muka 11

MEMPERLUASKAN KERJASAMA DALAM BIDANG PERUNDANGAN



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

>> Muka 1

Pertemuan tersebut telah menumpukan kepada perbincangan mengenai isu-isu yang menjadi kepentingan dan keprihatinan bersama. Antaranya kedua-dua pihak telah membincangkan mengenai hubungan dua hala dan persahabatan yang kukuh antara kedua-dua negara yang

telah terjalin sejak lamanya dan telah dinikmati sebelum negara mencapai kemerdekaannya.

Dalam menambah lagi, sejarah yang mencerminkan persahabatan baik antara kedua-dua negara ini menjadi teras kepada perhubungan tersebut dan diharapkan akan terus berkembang. Kedua-dua pihak juga membincangkan mengenai peluang untuk memperluaskan kerjasama

terutama sekali dalam bidang perundangan yang merupakan salah satu bidang kerjasama yang penting untuk diterokai.

Dalam bertukar-tukar pandangan mengenai sistem perundangan, kedua-dua pihak telah membincangkan persamaan antara kedua-dua dewan dari segi prosedur dan tatacara amalan yang berdasarkan sistem pemerintahan sebelumnya yang unik dan masih dipraktikkan.

Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon juga telah merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kejayaan Persidangan MMN Ke-20 yang telah diadakan dengan baik dengan membawakan lebih banyak isu-isu yang relevan dan menjadi kepentingan kepada rakyat.

Antara lain lagi, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN dan TYT Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura juga menyentuh mengenai beberapa perkara lain khususnya mengenai pertukaran mata wang antara kedua-dua negara yang menjadi keistimewaan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Selain itu, kedua-dua pihak telah membincangkan mengenai bidang pendidikan dan kepentingannya dalam membantu

sesebuah negara untuk sentiasa berkembang mengikut peredaran masa.

Turut hadir semasa kunjungan hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja,

Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



WAKTU SEMBAHYANG										
April MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	RABU	30	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.29	6.28	7.38
11	KHAMIS	1 Syawal	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.28	7.37
12	JUMAAT	2	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	SABTU	3	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	AHAD	4	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37
15	ISNIN	5	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
16	SELASA	6	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
35 26 °C	35 26 °C	35 26 °C	
Pekan Bangar			
35 25 °C	35 25 °C	35 25 °C	
Pekan Tutong			
33 26 °C	34 26 °C	34 26 °C	
Kuala Belait			
33 26 °C	33 25 °C	33 26 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 10 APRIL 2024

Syukuri nikmat raikan Aidilfitri

ALHAMDULILLAH pada tahun ini kita berpeluang menunaikan ibadah puasa sebulan penuh dan ia juga merupakan kesempatan untuk kita terus melakukan amal soleh dalam bulan Ramadan yang penuh dengan kerahmatan ini. Setiap amalan yang dilakukan akan memperoleh ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Setelah berjaya menunaikan ibadah puasa selama sebulan, insyaaAllah umat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) akan meraikan dan menyambut kedatangan Syawal pada Khamis, 11 April 2024. Dalam keseronokan dan kegembiraan meraikan dan menyambut Aidilfitri tersebut nanti, janganlah pula kita lupa untuk terus melakukan amal ibadah dan berusaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik dan sempurna.

Sesungguhnya Hari Raya Aidilfitri tersebut merupakan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Islam dan hadiah kemenangan kepada mereka yang berjaya melaksanakan ibadah puasa dengan menahan diri daripada hawa nafsu dan perkara-perkara yang dilarang ketika berpuasa.

Oleh itu, hari raya ini adalah peluang untuk kita mempereratkan dan memperkukuhkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan. Salah satu amalan dan tradisi di NBD pada hari raya ialah ziarah-menziarahi keluarga, saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat handai.

Dalam Islam, amalan berziarah ini mempunyai fadilat dan kelebihan. Dengan yang demikian, terdapat adab atau etika berziarah yang termaktub dalam Al-Quran, yang mana Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nur, ayat 27 - 28 tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke dalam rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu sentiasa beringat. Jika kamu tidak mendapati seorang pun di dalamnya maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin dan jika dikatakan kepada kamu "baliklah", maka hendaklah kamu balik. Itu lebih baik bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".

Berdasarkan ayat tersebut telah menggariskan adab semasa berziarah tersebut ialah pertama, memberi salam dan meminta izin terlebih dahulu sebelum masuk ke rumah yang hendak diziarahi. Perkara kedua pula, mengetuk pintu atau membunyikan lonceng rumah dengan perlahan sekira-kira boleh didengar oleh tuan rumah. Manakala perkara ketiga, hendaklah memperkenalkan diri sebelum masuk. Perkara terakhir ialah sunat bagi orang berziarah meminta izin sebanyak tiga kali.

Semasa berziarah juga hendaklah memilih masa dan waktu yang sesuai dan sebaik-baiknya elakkan berziarah semasa waktu bersembahyang fardu terutama sembahyang fardu Maghrib kerana waktu yang terhad. Pilihlah waktu yang sesuai dan memberi peluang kepada tuan rumah untuk bersedia menerima pengunjung dengan selesa.

Apa yang utama semasa berhari raya hendaklah sentiasa menjaga adab dan tingkah laku agar menjaga kemuliaan Aidilfitri dan elakkan mencampur aduk dengan perkara-perkara yang dilarang. Sesungguhnya Aidilfitri adalah peluang untuk mengeratkan silaturahim sesama kita dengan bermaaf-maafan serta melupakan apa jua persengketaan yang lalu, di samping mensyukuri nikmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

NBD SAMBUT AIDILFITRI ESOK



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

SEMENTARA menunggu hasil merukyah yang dijalankan pada beberapa tempat yang dikhaskan, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan acara keagamaan dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU (atas kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Yang Berhormat, Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 Syawal 1445 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam akan jatuh pada Khamis, 11 April 2024.

Justeru, Negara Brunei Darussalam akan menyambut kedatangan awal bulan Syawal bagi tahun 1445 Hijrah pada Khamis, 11 April ini nanti berikutan

hasil Merukyah Awal Bulan Syawal, 1445 Hijrah pada petang tadi tidak sabit kelihatan dan telah diumumkan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Yang Di-Pertua MUIB setelah bersidang mengenai hasil merukyah anak bulan Syawal 1445 Hijrah pada tahun ini dari tempat-tempat yang ditentukan dan ketetapan persidangan tersebut yang telah disampaikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Menteri di Jabatan Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Juga hadir, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Haji Johar bin Haji Muhamad; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar

bin Haji Mat Dain @ Maidin serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan MUIB serta Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam dan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Pada tahun ini, lima buah lokasi telah ditetapkan untuk merukyah anak bulan Syawal, 1445 Hijrah iaitu Menara Bangunan Ibu Pejabat DST, Taman Rekreasi Tanjung Batu, Daerah Brunei dan Muara (DBM); Bukit Agok, Jerudong, DBM; Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong dan Bangunan Hilal Bukit Lumut; Daerah Belait.

Sementara menunggu hasil merukyah, acara keagamaan bagi menunggu hasil rukyah 1 Syawal

1445 Hijrah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin manakala Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Awang Hilman bin Haji Salim.

Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 3 di Pejabat Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd. Amin bin Haji Salim dan seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Berikutan anak bulan Syawal telah tidak berhasil dilihat maka bulan Ramadan akan digenapkan 30 hari dan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara masih berjalan seperti sebelumnya dan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri akan bermula pada Khamis, 11 April 2024 Masihi mulai jam 7.30 pagi di seluruh masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.



ACARA dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin manakala Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Awang Hilman bin Haji Salim (atas kanan dan atas tengah). Manakala gambar atas kiri, bawah kiri dan bawah kanan, antara lokasi yang telah ditetapkan untuk merukyah anak bulan Syawal, 1445 Hijrah, iaitu Menara Bangunan Ibu Pejabat DST, Daerah Brunei dan Muara.



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN, WANG SIMPANAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei ketika menerima Zakat Perniagaan dari Syarikat Al Bukhari Sdn. Bhd. dan Koperasi Persatuan Tiba (KOTIBA) (kiri dan atas).

>> Muka 1

Zakat Wang Simpanan yang diserahkan adalah hasil kutipan Perbadanan TAIB selaku amil yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam yang diterima dari sejumlah 4047 akaun penyimpanan-persimpan Perbadanan TAIB sepanjang bulan Januari hingga Disember 2023.

Sementara itu, Syarikat

Al Bukhari Sdn. Bhd. menyerahkan Zakat Perniagaan berjumlah BND25,700.00 yang diserahkan oleh Penolong Pengurus Syarikat Al Bukhari Sdn. Bhd., Awang Taimour Alam dan Koperasi Persatuan Tiba (KOTIBA) pula menyerahkan Zakat Perniagaan berjumlah BND56,977.13 yang diserahkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah KOTIBA,

Awang Haji Matassan bin Haji Bungso.

Kesemua zakat tersebut diserahkan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Hadir sama menyaksikan penyerahan wang zakat tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Naib Yang Di-Pertua MUIB; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu, dan Pemangku Pengarah Urusan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Majlis-majlis penyerahan daripada Syarikat Al Bukhari Sdn. Bhd. dan KOTIBA diadakan sebelah pagi. Manakala TAIB diadakan penyerahannya pada sebelah petang.

Mengimarahkan Ramadan dengan Qiamullail

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 April. - Ramadan yang akan melabuhkan tirainya kali ini terasa sedih kerana bulan yang penuh lautan pahala itu bakal pergi berlalu dan tidak tahu adakah kita berpeluang untuk bertemunya kembali pada tahun hadapan.

Dalam meniti nikmat Ramadan di 10 malam terakhir ini, Masjid Kampung Pintu Malim terus mengimarahkan malam terakhir dengan acara Qiamullail awal Subuh tadi di masjid berkenaan.

Qiamullail atau bangun malam untuk mengerjakan ibadah seperti Sembahyang Sunat Tahajud, Taubat, Tasbeih, Hajat, membaca Al-Quran, beristighfar dan berzikir

semanganya amat dituntut dalam Islam sebagai salah satu terapi diri yang amat berkesan. Hampir 50 orang yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pintu Malim dan belia serta penduduk sekitarnya menyertai aktiviti keagamaan itu.

Qiamullail disemarakkan dengan Sembahyang Sunat Iftitah sebagai sembahyang pembukaan diikuti dengan Sembahyang Taubat sebanyak dua rakaat yang diimamkan oleh Bilal Masjid Kampung Pintu Malim, Awang Ahmad Syarkawi bin Mardy.

Sembahyang Iftitah adalah sembahyang sunat dua rakaat yang ringan sebagaimana Nabi

DALAM meniti nikmat Ramadan di 10 malam terakhir, Masjid Kampung Pintu Malim mengadakan Qiamullail bagi terus mengimarahkan malam-malam terakhir di bulan Ramadan.

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam apabila hendak melaksanakan sembahyang malam (Qiamullail) Baginda memulakan Sembahyang Sunat Iftitah (pembuka) sembahyangnya dengan dua rakaat.

Sementara Sembahyang Sunat Taubat bukan sahaja dilakukan apabila melakukan sebarang kesalahan dalam erti kata lain ingin melakukan taubat nasuha bagi menginsafi segala perbuatannya, namun ia digalakkan untuk dilakukan secara berkali-kali



sehingga membuatkan hati berasa lapang, bersih dan tenang.

Sembahyang Tahajud empat rakaat seterusnya dikerjakan diikuti dengan Sembahyang Hajat

dan seterusnya Sembahyang Witir. Acara diakhiri dengan acara bersahur beramai-ramai yang setentunya merapatkan lagi ukhuwah masing-masing.



سورھنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

! IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.




Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

! DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul.
sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan.
Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap.
memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

- ✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



Dengar dan sertai maklumat tentang maklumat yang di dalam PSCR, anda adalah lengkap, lengkap, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam PSCR, anda adalah lengkap, lengkap, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

PENTING! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam PSCR, anda adalah lengkap, lengkap, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

KEMENTERIAN PERTAHANAN ANJUR MAJLIS KHATAM AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran kali Ketiga bertempat di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba. Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

RIMBA, Selasa, 9 April. - Sempena bulan suci Ramadan 1445 Hijrah, Kementerian Pertahanan melalui Program Ihya dan Jangkauan Ramadan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran kali Ketiga bertempat di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba, hari ini.

Acara serupa turut diadakan secara serentak di semua surau

di garison, perkhemahan dan pangkalan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-Baru.

Hadir di Surau Al-Barakah bagi majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji

Mohd. Yussof; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama, peringkat kepimpinan dan pegawai-pegawai

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

serta kakitangan Kementerian Pertahanan.

Majlis tersebut adalah sebagai penutup bagi pelbagai aktiviti bermakna anjuran Kementerian Pertahanan di sepanjang bulan suci Ramadan yang termasuk Tadarus Al-Quran, sembahyang

sembahyang fardu berjemaah dan Sembahyang-semahyang Sunat Tarawih dan Witir, penyampaian sumbangan kepada anak yatim dan golongan-golongan tertentu, kempen membersihkan kubur serta ceramah-ceramah keagamaan.





سوروهنجاي قرحخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

iklan jawatan kosong

IPM/TINGKAT IV

PEGAUW SAINTEK

PEMANTU PELUKS

ISANGER

Lihat Iklan

Kalendar saya

IPM/TINGKAT IV

PEGAUW PERKEMBANGAN UGAMA

PENOLONG PESURUHJAYA BURUH

PENYELIDIK DAN PENTERJEPAH KHILAS (BAHASA ARAB)

Lihat Kalendar Saya

2

kedudukan permohonan

IPM/TINGKAT IV

PEGAUW PERKEMBANGAN UGAMA

PENOLONG PESURUHJAYA BURUH

PENYELIDIK DAN PENTERJEPAH KHILAS (BAHASA ARAB)

Status Permohonan

aduan saya

(PERAKUAN) PENJELASAN "TIDAK DIPERAKUKAN"

(PSC) INSTITUSI / SENDAH TIDAK TERSEMAI

Lihat Aduan Saya

3

Status Permohonan Kerja

Bahagian	Status	Aktif
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
A	PROSES PERAKUAN	00
IV	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
IV	TIDAK HADIR	00
I	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	00
IV	PEMOHON DITERIMA	00

Ujian

Temu Duga

Jun 2022

Ujian

Temu Duga

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

BAIDURI SANTAI SAHUR TUTUP TIRAI

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Bank Baiduri dengan bangganya mengumumkan kemuncak Baiduri Santai Sahur yang berlangsung selama empat minggu sepanjang bulan Ramadan setiap malam Sabtu di Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Baiduri South Lawn di Ibu Pejabat Bank Baiduri.

Acara komuniti telah menyumbang dengan ketara dalam memupuk keusahawanan tempatan dan kebersamaan masyarakat.

Dengan kerjasama Saucysside

and the Gang, Baiduri Santai Sahur berjaya menjadi tuan rumah kepada 25 vendor makanan dan minuman, menyediakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) dengan platform untuk mempamerkan dan menjual produk mereka.

Baiduri Santai Sahur turut menerima kunjungan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah di mana

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika meninjau petak-petak jualan Baiduri Santai Sahur (kiri) manakala gambar kanan, pengunjung yang bertuah menerima baucar cabutan bertuah.

Yang Berhormat juga berpeluang meninjau usahawan-usahawan yang terlibat dalam acara tersebut.

Dengan menerima urus niaga tanpa tunai dan menggalakkan penggunaan bekas gua semula (reusable containers), acara itu telah meletakkan asas untuk model perniagaan yang mampan dan didayakan secara digital, selaras dengan matlamat pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

Penjual digalakkan untuk menggunakan pilihan pembungkusan alternatif yang mesra alam seperti bekas biodegradasi atau bekas guna semula, pinggan dan cutlery bagi mempromosikan tanggungjawab



alam sekitar dalam komuniti.

Melalui perkongsian strategik dengan Kawan Bumi dan Shaliz Waste Recycling Sdn. Bhd., kira-kira 100kg kertas, 40kg plastik, 30kg aluminium dan dua gelen minyak masak terpakai telah dikumpulkan.

Semasa acara Baiduri Santai Sahur, 25 pelanggan menerima baucar cabutan bertuah BND10 kerana menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai, termasuk Kad Baiduri, Kad Debit dan QPay.

Pengenalan pembayaran tanpa tunai dan pengedaran baucar BND10 kepada peserta yang memilih cara transaksi

ini bukan sahaja memudahkan proses pembelian tetapi juga menyerlahkan kemudahan dan kecekapan menerima penyelesaian pembayaran moden.

"Sambutan positif yang menggalakkan terhadap Baiduri Santai Sahur menunjukkan kekuatan penglibatan komuniti dan potensi amalan perniagaan yang mampan secara digital," ujar Ketua Perbankan Perniagaan di Bank Baiduri, Awang Mohd. Isa Liew Mohd. Amin Liew. Untuk maklumat lanjut mengenai Bank Baiduri, bolehlah melayari media sosial bank atau www.baiduri.com.

Ringankan beban, bantu persiapan raikan Aidilfitri

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Belia Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 April. - Seramai tujuh buah keluarga dari Mukim Lumapas dan Mukim Sengkuring telah menerima sumbangan bersempena dengan Program Ihsan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi anjuran bersama Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Majlis Belia Brunei (MBB) dan disokong oleh Projek #INFAQ1.

Program Ihsan Ramadan diadakan bertujuan untuk meringankan beban keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan dan membantu mereka dalam persiapan meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Antara sumbangan yang

disampaikan termasuklah barangan asasi, hamper raya dan wang tunai. Di samping itu, beberapa buah keluarga juga telah menerima barangan elektronik seperti kipas, dan juga barang keperluan anak damit.

Selain daripada penyampaian barang sumbangan, rombongan juga berpeluang untuk bersemuka dengan ahli-ahli keluarga-keluarga tersebut bagi memahami keadaan keluarga dengan lebih mendalam dan mengenal pasti intervensi yang bersesuaian untuk membantu meningkatkan lagi kesejahteraan keluarga-keluarga berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berinteraksi bersama keluarga-keluarga yang menerima sumbangan.

Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir adalah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed dan Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim dan Yang Di-Pertua MBB, Dayang Khairunnisa binti Awang Haji



Ash'ari.

Pengurus Program tersebut, Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad melahirkan penghargaan kepada penyumbang-penyumbang yang telah membawa kegembiraan

kepada para penerima dan berharap program seperti ini dapat sedikit sebanyak mengurangkan bebanan keluarga-keluarga yang tertentu lebih-lebih lagi dengan kedatangan bulan Syawal yang menjelang tiba.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menyampaikan sumbangan dan bergambar ramai pada Program Ihsan Ramadan yang mengambil tempat di Mukim Lumapas dan Mukim Sengkuring (atas dan kanan).

SHENA bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 April. - Bersempena dengan bulan suci Ramadan, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) pagi tadi mengadakan Majlis Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis tahlil berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan SHENA ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Pengerusi Lembaga Pengarah SHENA.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Pintu Malim, Awang Ahmad Syarkawi bin Mardy, dan diikuti dengan bacaan Tahlil, Doa Tahlil dan

Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan daripada SHENA.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri hadir mengetuai rombongan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) pada Majlis Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja.

HUBUNGAN NBD-CHINA TERUS ERAT, HARMONI

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Ihsan Muiz. M

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China mempunyai hubungan persahabatan dan kerjasama dua hala yang erat serta mesra di mana kedua-dua negara hidup bersama dalam penuh harmoni.

Mengimbas kembali kepada perkembangan hubungan dua hala berkenaan, dapat disimpulkan beberapa pengalaman yang penting daripada hubungan erat berkenaan iaitu kepercayaan politik, kerjasama praktikal, pertukaran di antara

warga kedua-dua buah negara serta koordinasi dan kerjasama yang kukuh dalam hal ehwal serantau dan antarabangsa.

Perkara itu dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo semasa taklimat bersama media yang berlangsung di Rizqun International Hotel, Gadong, hari ini.

Menjelaskan lanjut mengenai dengan kesimpulan berkenaan, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo berkata bahawa diplomasi pemimpin negara membantu untuk membimbing hubungan dua hala kedua-dua buah negara dengan pertukaran peringkat tinggi memainkan peranan penting dalam mempromosikan hubungan serta meningkatkan kepercayaan strategik bersama.

TYT Xiao Jianguo berkata ia merupakan asas kukuh kepada hubungan NBD-China di mana persahabatan itu lahir daripada hubungan rapat di antara warga kedua-dua buah negara yang menjadi kunci kepada hubungan negara ke negara yang kukuh.

Beliau menyatakan bahawa kedua-dua buah negara mempunyai kerjasama yang ekstensif dalam bidang kebudayaan, pendidikan,



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam ketika berucap pada majlis tersebut.

sukan, pelancongan dan belia di mana hubungan persahabatan itu diperkukuhkan lagi menerusi usaha bersama.


Kerjasama dan penyelarasan yang baik dalam hal ehwal serantau dan antarabangsa menyediakan platform yang baik bagi NBD dan China untuk mendalami lagi hubungan dua hala serta mempromosikan pembangunan bersama.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa kedua-dua buah negara amat menghormati minat dan kebimbangan utama antara satu sama lain serta mempunyai koordinasi dan kerjasama yang rapat peringkat serantau dan antarabangsa.

TUAN Yang Terutama bergambar ramai pada taklimat bersama media yang berlangsung di Rizqun International Hotel.



Mengucapkan Tahniah Sempena 'Idulfithr



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

UMAT Islam pada lazimnya menyambut kedatangan Hari Raya Fitrah atau yang biasa disebut sebagai 'Idulfithri dengan sambutan yang meriah. Sambutan itu pula pada kebiasaannya akan diisikan dengan amalan-amalan sunat seperti melaungkan takbir, mengerjakan sembahyang sunat 'Idulfithri, saling ziarah-menziarahi dan sebagainya. Menyambut kedatangan 'Idulfithri menjadi kebiasaan bagi masyarakat Islam bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam, bahkan juga bagi sekalian umat Islam di seluruh dunia.

Salah satu amalan yang biasa dilakukan oleh masyarakat ialah saling mengucapkan ucapan tahniah sesama orang Islam sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri. Persoalannya, adakah mengucapkan ucapan tahniah sempena kedatangan 'Idulfithri itu termasuk amalan yang disunatkan dalam Islam? Irsyad Hukum kali ini akan memberi penjelasan mengenainya.

Ucapan tahniah kepada orang lain merupakan doa untuknya. Ucapan tahniah juga adalah kata lawan bagi ucapan takziah. Imam Ibn 'Allan Rahimahullah dalam kitabnya al-Futuhat ar-Rabbaniyyah menjelaskan maksud tahniah dengan berkata:

Ertinya: Dan tahniah ialah doa dengan (memohon) kebahagiaan untuk orang yang telah berjaya mendapat kebaikan (yang bersifat) keugamaan atau keduniaan yang tidak memudaratkannya pada ugamanya.

Imam al-Bujairimi Rahimahullah pula dalam kitabnya Bujairimi 'ala al-Khatib berkata:

Ertinya: Tahniah adalah kata lawan bagi takziah dan ia (tahniah) ialah doa dengan kembalinya kegembiraan.

Mendoakan seseorang dengan kembalinya kegembiraan adalah bertepatan dengan maksud Hari Raya itu sendiri kerana menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitab Tuhfah al-Muhtaj, perkataan al-'Id berasal dari perkataan al-'Aud yang bermaksud berulang-ulang kerana Hari Raya itu berulang-ulang setiap tahun atau kerana berulang-ulang kegembiraan dengan kembalinya Hari Raya itu setiap tahun atau kerana banyak fadhilat atau kelebihan yang Allah Subhanahu wa Ta'ala kurniakan kepada hamba-hambanya pada Hari Raya. Menurut Imam asy-Syarqawi Rahimahullah dalam Hasyiyah asy-Syarqawi 'ala Tuhfah ath-Thullab, antara kegembiraan itu ialah pengampunan dosa dan pembebasan daripada api neraka pada akhir malam bulan Ramadhan.

Hukum Mengucapkan Tahniah

Mengucapkan tahniah sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri atau sempena menyambut kedatangan suatu bulan seperti bulan Ramadhan atau suatu tahun seperti tahun 1445 Hijrah hukumnya adalah sunat. Perkara ini dinyatakan oleh kebanyakan ulama antaranya Imam Ibn Hajar al-Haitami, Imam Ibn Hajar al-'Asqalani, Imam asy-Syarqawi dan Imam al-Bajuri Rahimahumullah.

Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah berkata dalam kitabnya al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah:

Ertinya: (Ucapan) tahniah sempena (kedatangan) Hari Raya dan (kedatangan) bulan-bulan adalah sunat sebagaimana yang telah disebut oleh sebahagian imam-imam kami.

Imam al-Bajuri Rahimahullah dalam kitabnya Hasyiyah al-Bajuri 'ala Ibn Qasim al-Ghazzi pula berkata:

Ertinya: Dan disunatkan (mengucapkan) tahniah sempena (kedatangan) Hari Raya dan seumpamanya daripada (kedatangan) tahun atau bulan menurut (pendapat) al-mu'tamad.

Dalil sunat mengucapkan tahniah sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri ini ada disebut dalam kitab al-Mu'jam al-Kabir dan

kitab ad-Du'a susunan Imam ath-Thabarani Rahimahullah, kitab as-Sunan al-Kubra susunan Imam al-Baihaqi Rahimahullah dan beberapa kitab lainnya yang menyebut bahawa para sahabat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam seperti Abu Umamah al-Bahili dan Watsilah bin al-Asqa' Radhiallahu 'anhuma mengucapkan tahniah sesama mereka sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri. Menurut Imam Ibn Hajar al-'Asqalani Rahimahullah sebagaimana yang dinukil oleh Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, walaupun atsar-atsar berkenaan pada dasarnya adalah dha'if, akan tetapi dengan himpunan riwayat-riwayat atau atsar-atsar berkenaan menjadi hujah dalam perkara seumpama ini.

Menurut beberapa atsar yang lain juga, mengucapkan tahniah sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri merupakan amalan para tabi'in seperti Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz Rahimahullah sepertimana yang diriwayatkan daripada Ibrahim bin Abu 'Ablah Rahimahullah, beliau berkata:

Maksudnya: Kami telah menemui 'Umar bin 'Abd al-'Aziz pada Hari Raya, dan orang ramai mengucapkan salam ke atasnya dan mereka berkata: "Taqabbalallahu minna wa minka (Semoga Allah menerima semua amal ibadat daripada kami dan daripadamu) wahai Amir al-Mu'minin", lalu beliau membalasnya dan beliau tidak melarang (ucapan) mereka.

(Hadits riwayat Ibn 'Asakir)

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya ash-Shawa'iq al-Muhriqah fi ar-Radd 'ala Ahl al-Bida' wa az-Zandaqah, atsar di atas merupakan dalil yang baik bagi mengucapkan tahniah sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri, kedatangan tahun tertentu dan kedatangan bulan tertentu.

Menurut Imam Ibn Hajar al-'Asqalani Rahimahullah yang dinukil oleh Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, ucapan tahniah hukumnya sunat secara umum sebagaimana seseorang itu disunatkan mengerjakan sujud syukur apabila berlaku padanya suatu ni'mat atau tertolak suatu bala daripadanya dan juga sebagaimana seseorang itu disunatkan mengucapkan takziah kepada orang yang ditimpa musibah. Imam al-Bujairimi Rahimahullah menjelaskan bahawa jika ucapan takziah ketika ditimpa suatu musibah adalah sunat, maka sunat juga hukumnya ucapan tahniah ketika mendapat suatu kegembiraan.

Dalil sunat mengucapkan tahniah secara umum ini adalah berdasarkan kisah para sahabat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam yang mengucapkan tahniah kepada Ka'b bin Malik Radhiallahu 'anhu yang diterima taubatnya oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala atas kesalahan tidak menyertai peperangan Tabuk. Bahkan Thalhah bin 'Ubaidillah Radhiallahu 'anhu telah mengucapkan tahniah kepada Ka'b bin Malik Radhiallahu 'anhu di hadapan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dan Baginda memperakui (iqrar) ucapan tahniah tersebut. Kisah berkenaan diriwayatkan dalam sebuah hadits yang panjang dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim. Dalam hadits berkenaan juga diriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah bergembira dengan penerimaan Allah Subhanahu wa Ta'ala terhadap taubat Ka'b bin Malik Radhiallahu 'anhu itu dan bersabda kepadanya dengan wajah yang bersinar dan penuh kegembiraan:

Maksudnya: Bergembiralah dengan hari yang paling baik yang telah engkau lalui sejak ibumu melahirkanmu.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Waktu Mengucapkan Tahniah

Menurut Imam asy-Syibramallisi

Rahimahullah dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, waktu mengucapkan tahniah sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri bermula pada waktu fajr dan bukan ketika malam 'Idulfithri. Walau bagaimanapun, menurut Imam asy-Syarwani Rahimahullah dalam Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj, tidak ada larangan jika seseorang mengucapkan tahniah sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri bermula pada malam 'Idulfithri jika mengucapkan tahniah bermula pada malam 'Idulfithri itu merupakan adat kebiasaan suatu masyarakat kerana tujuan mengucapkan tahniah itu adalah untuk menunjukkan perasaan kasih sayang serta menzahirkan kegembiraan. Keharusan mengucapkan tahniah pada malam 'Idulfithri ini juga merupakan pendapat Imam asy-Syarqawi Rahimahullah dalam Hasyiyah asy-Syarqawi 'ala Tuhfah ath-Thullab yang menyebut bahawa waktu mengucapkan tahniah sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri adalah bermula pada ketika tenggelam matahari.

Menurut Imam asy-Syibramallisi Rahimahullah dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj lagi, mengucapkan tahniah sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri adalah tidak dituntut selepas berlalunya 1 Syawwal, akan tetapi tidak ada larangan jika seseorang mengucapkan tahniah sempena menyambut kedatangan 'Idulfithri setelah berlalu 1 Syawwal jika amalan sedemikian merupakan adat kebiasaan suatu masyarakat kerana tujuan mengucapkan tahniah itu adalah untuk menunjukkan perasaan kasih sayang serta menzahirkan kegembiraan.

Lafaz Ucapan Tahniah

Menurut Imam asy-Syibramallisi Rahimahullah dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, selain ucapan Taqabbalallahu minna wa minkum (تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ), ucapan seumpamanya juga boleh diucapkan jika ucapan sedemikian merupakan adat kebiasaan suatu masyarakat.

Antara ucapan-ucapan tahniah sempena kedatangan 'Idulfithri yang merupakan adat kebiasaan masyarakat ialah:

1. 'Id mubarak (عِيدٌ مُبَارَكٌ) yang bererti: Selamat menyambut 'Idulfithri yang penuh berkat.
2. Kullu 'am wa antum bi khair (كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ) yang bererti: Setiap tahun (didoakan) kamu sentiasa berada dalam kebaikan.
3. Min al-'A'idin wa al-Fa'izin (مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ) yang bererti: Semoga kamu tergolong dari kalangan orang-orang yang kembali (kepada fitrah) dan orang-orang yang berjaya.
4. A'adahullahu 'alaikum bi khair (أَعَادَهُ اللَّهُ عَلَيْكُمْ بِخَيْرٍ) yang bererti: Semoga Allah mengembalikan (Hari Raya pada tahun ini) kepada kamu dengan kebaikan.
5. Selamat Hari Raya.

Ucapan Balas Tahniah

Adapun ucapan balas tahniah, Imam asy-Syarwani Rahimahullah dalam Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj menjelaskan bahawa sunat menjawab ucapan tahniah sempena 'Idulfithri contohnya dengan ucapan seperti:

1. Taqabbalallahu minkum (تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنْكُمْ) yang bererti: Semoga Allah menerima (amal ibadat) daripada kamu.
2. Ahyakumullahu li amtsalihi (أَحْيَاكُمْ اللَّهُ لِمَا سَالِيهِ) yang bererti: Semoga Allah menghidupkan kamu sama sepertinya ('Idulfithri).
3. Kullu 'am wa antum bi khair (كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ) yang bererti: Setiap tahun (didoakan) kamu sentiasa berada dalam kebaikan.

Demikian penjelasan mengenai mengucapkan tahniah sempena 'Idulfithri.

DALIL sunat mengucapkan tahniah secara umum ini adalah berdasarkan kisah para sahabat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam yang mengucapkan tahniah kepada Ka'b bin Malik Radhiallahu 'anhu yang diterima taubatnya oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala atas kesalahan tidak menyertai peperangan Tabuk. Bahkan Thalhah bin 'Ubaidillah Radhiallahu 'anhu telah mengucapkan tahniah kepada Ka'b bin Malik Radhiallahu 'anhu di hadapan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dan Baginda memperakui (iqrar) ucapan tahniah tersebut. Kisah berkenaan diriwayatkan dalam sebuah hadits yang panjang dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim. Dalam hadits berkenaan juga diriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah bergembira dengan penerimaan Allah Subhanahu wa Ta'ala terhadap taubat Ka'b bin Malik Radhiallahu 'anhu

itu dan bersabda kepadanya dengan wajah yang bersinar dan penuh kegembiraan :

Maksudnya : Bergembiralah dengan hari yang paling baik yang telah engkau lalui sejak ibumu melahirkanmu. (Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

MENGGALAKKAN PENGLIBATAN BELIA DALAM AKTIVITI KEAGAMAAN



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Alishahrin Haji Mumin



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika hadir pada Majlis Khatam Al-Quran Belia Di Bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Masjid Ar-Rahim (atas kiri) manakala gambar atas kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

TUTONG, Isnin, 8 April.- Dalam usaha menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) pagi tadi menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran Belia Di Bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, Tutong, di sini.

Hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-

ramai yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran dimulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang dikepalai oleh Penggerak Belia Impak Tutong, Awang Muhammad Darwisy Afiq bin Jalani.

Acara diteruskan dengan bacaan Takhtim yang dikepalai oleh Kumpulan Belia Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Awang Mohammad 'Ammar Zulqarnain bin Mohammad Azril.

Sementara itu, Doa Khatam pula dibacakan oleh Wakil Belia Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit

Panggal, Awang Muhammad Nur Hafizan @ Nur Syafizan bin Saban.

Ini diikuti dengan Dikir Marhaban oleh Kumpulan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pemangku Ketua Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok, Awang Mohammed Dandarawi bin Awang Nasar.

Majlis Khatam Al-Quran Belia Di Bulan Ramadhan merupakan salah satu projek tahunan KKBS kendalian JBS Cawangan-cawangan Daerah

sempena dengan sambutan bulan Ramadhan yang Mubarak dengan melibatkan kerjasama ramai pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan belia dan penglibatan golongan belia sendiri.

Majlis antara lain bertujuan untuk menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan, di samping untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta untuk menyemarakkan bulan Ramadhan dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan

Al-Quran.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; serta Pengarah-pengarah Bahagian dan Jabatan, pegawai dan kakitangan daripada KKBS dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Memperkasa pendidikan digital dengan DigiThink



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir pada acara 'Hari Wanita Antarabangsa 2024 - Kesan Masa Depan', yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Dalam dunia yang semakin digital, pemahaman dan penggunaan teknologi secara

berkesan menjadi sama pentingnya dengan kemahiran literasi tradisional.

Ini adalah fokus utama pada

acara 'Hari Wanita Antarabangsa 2024 - Kesan Masa Depan', yang berlangsung pada 6 April lalu di Dewan Amar Pahlawan,

■ Siaran Akhbar dan Foto : DigiThink

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Acara yang dihoskan bersama oleh Google Developer Group Brunei dan Women Techmakers, mempamerkan Pelancaran DigiThink, sebuah inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan celik digital di Asia Tenggara.

Misi DigiThink adalah untuk mengubah pendidikan dengan menyepadukan teknologi ke dalam pembelajaran, menyediakan akses kepada alat dan latihan digital kepada pendidik dan pelajar. Inisiatif tersebut komited untuk menjadikan pendidikan digital lebih menarik dan praktikal melalui platform interaktif dan kaedah inovatif, menyediakan peserta untuk dunia yang dipacu oleh digital.

Menonjolkan kepentingan misi ini, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee menekankan dalam ucapamannya akan peranan penting literasi digital dalam masyarakat hari ini.

Yang Berhormat juga menegaskan, dalam perjalanan ke arah masa depan yang diperkasakan teknologi, menguasai alatan digital adalah penting.

Ketua Projek, Sarinah Ziziumiza

turut menjelaskan matlamat inisiatif tersebut di mana beliau menyerlahkan alat inovatif yang ditawarkan DigiThink, seperti buku realiti tambahan 'Digital Journeys: The Adventure of Digital Citizenship' dan platform e-pembelajaran DigiMinds, yang direka untuk menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan menarik.

DigiThink termasuk dalam Dekad Kesan YSEALI, melengkapkan program YSEALI Seeds for the Future melalui penciptaan Digiverse, sebuah projek yang didedikasikan untuk meningkatkan celik digital dalam kalangan generasi muda, sekali gus meluaskan pengaruhnya dalam memupuk komuniti yang celik teknologi.

Acara itu melambangkan langkah penting dalam melengkapkan Asia Tenggara dengan kemahiran digital yang diperlukan untuk berkembang maju dalam dunia moden.

Pelancaran DigiThink, sejajar dengan matlamat YSEALI dan Hari Wanita Antarabangsa, menetapkan peringkat untuk transformasi pendidikan, memperkasakan individu dengan celik digital yang diperlukan untuk berjaya dalam era yang dipacu teknologi.

HiTUNE ANJUR MAJLIS KHATAM AL-QURAN



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERIBI, Isnin, 8 April. - Sebagai menandakan tamatnya pembacaan tadarus Al-Quran di sepanjang bulan Ramadan, HiTUNE Universal Services mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak yatim, berlangsung di Maszalina Cheenta Hall, The Walk, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, yang mana disambut

dan dialu-alukan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat HiTUNE, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dan Pengarah serta Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan Khatam Al-Quran terdiri daripada kakitangan HiTUNE. Seterusnya bacaan Takhtim dipimpin oleh Kumpulan Tausyeh Husna Hurulain manakala Doa Khatam dibacakan oleh Awang

SETIAUSAHA Tetap, KHEU hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada penerima (kanan dan kiri). Sementara gambar bawah kanan, sekitar majlis tersebut.

Aiman Hafizunizam bin Mohd. Zaimmerol.

Acara diikuti dengan penyampaian sijil kepada peserta Khatam Al-Quran dan penyampaian sumbangan derma kepada 10 anak yatim yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Melalui sumbangan berkenaan, ia diharap dapat membantu meringankan beban penerima terutamanya dalam sama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang. Majlis diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Bersungkai.

HiTUNE Universal Services (anak syarikat HiTUNE Group of Companies) ialah Syarikat Bumiputera tempatan yang mempunyai anak-anak syarikat yang menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti Pengurusan Hartanah dan Harta, Kursus Latihan dan Pembangunan Peribadi dan Profesional, Pengurusan Acara, Perundingan Perniagaan dan Perkhidmatan proses dokumentasi termasuk Perkhidmatan Penyesuaian Trak Mudah Alih.



Pelancaran produk direktori pelancongan



Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 April. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan melancarkan produk direktori pelancongan dalam talian pertamanya yang menyediakan pelbagai aktiviti pelancongan, produk dan perkhidmatan berkaitan merangkumi keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini.

Laman sesawang www.explorebrunei.gov.bn dilancarkan pagi tadi oleh Pemangku

Setiausaha Tetap, KSSUP, Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Direktori dalam talian menawarkan platform tambahan untuk para peniaga mempamerkan produk mereka dan perkhidmatan yang dapat membantu meningkatkan keterlihatan mereka selain menarik pelanggan baharu.

Semasa majlis tersebut, Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh dalam ucapan alu-aluannya mengatakan bahawa direktori ini diharap akan dapat memberi manfaat kepada

perniagaan berkaitan pelancongan dalam meningkatkan tawaran mereka, mengarahkan usaha pemasaran mereka dan membantu ejen atau pengendali pelancongan dalam mereka bentuk lebih banyak lagi pakej pelancongan yang menarik untuk meningkatkan lebih ramai pengunjung ke negara ini.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 48 ejen pelancongan berdaftar dan berlesen di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan, dengan hanya sekitar 10 ejen yang giat mempromosikan Inbound Tourism.

KSSUP dalam pada itu jelasnya, menggalakkan ejen pelancongan



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir bagi melancarkan laman sesawang www.explorebrunei.gov.bn berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri dan atas).

lain untuk terlibat secara aktif dalam mempromosikan Inbound Tourism untuk menarik lebih ramai pengunjung ke negara ini dan memberi sumbangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Direktori ini termasuk kira-kira 300 aktiviti pelancongan, produk dan perkhidmatan berkaitan yang dikategorikan kepada Alam Semula Jadi, Budaya & Warisan, Pengembaraan, Makanan & Minuman dan Penginapan.

Maklumat seperti butiran hubungan dan aktiviti yang ditawarkan meningkatkan keterlihatan untuk perniagaan yang sedia tersenarai bagi memudahkan pelanggan berhubung terus dengan

mereka.

Pembangunan *inbound tourism* akan membolehkan lebih banyak pelancong luar negara untuk merasai kekayaan budaya NBD, pemandangan alam yang indah selain membolehkan pelancong berinteraksi dengan penduduk tempatan. Pertumbuhan *inbound tourism* akan menjadi sumbangan yang ketara kepada KDNK negara dan meningkatkan penciptaan pekerjaan untuk penduduk tempatan.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga Kemajuan Pelancongan Brunei Darussalam dan ejen pelancongan berdaftar di NBD serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

KEMBARA AMAL RAMADAN : RINGANKAN BEBAN MASYARAKAT MEMERLUKAN



KEMENTERIAN Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan secara serentak di keempat-empat daerah bagi tahun 1445H/2024M yang disampaikan oleh Setiausaha-setiausaha Tetap KKBS, Timbalan Setiausaha Tetap KKBS. Turut menyertai Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas kiri, atas kanan, bawah kiri, bawah sekali kiri dan bawah sekali kanan).



>> Muka 1

Turut menyertai rombongan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai; Pemangku

Pengarah JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh; Pegawai-pegawai Kanan daripada sektor kemasyarakatan di KKBS; pegawai daripada JAPEM serta Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang berkenaan.

Sementara Kembara Amal Ramadan di Daerah Belait diketuai oleh Setiausaha Tetap (Kebelaaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Sebanyak empat buah rumah dikunjungi bagi menyampaikan sumbangan tersebut yang

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

dimulakan dari Kampung Sungai Teraban; STKRJ Mumong 'A', Jalan Keruak; RPN Panaga, Seria dan Jalan Nakhoda Manis, Seria.

Turut menyertai rombongan ialah Pegawai-pegawai Kanan daripada sektor Kebelaaan, KKBS dan JAPEM serta Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang berkenaan.

Di Daerah Temburong pula, sebanyak empat buah rumah dikunjungi yang diketuai oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hassan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Kembara bermula dari dua buah rumah di Kampung Perpindahan Rataie dan diteruskan ke Kampung Sungai Tanit dan Kampung Labu Estate.

Turut menyertai rombongan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong; Pegawai-pegawai Kanan daripada sektor Kebudayaan, KKBS dan JAPEM serta Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang berkenaan.

Rombongan di Daerah Brunei dan Muara pula diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS,

Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Kembara ke empat buah rumah bermula dari Jalan Limau Manis, Kampung Pengkalan Batu; Kampung Lumapas 'B'; Kampung Perpindahan Lambak Kanan dan Kampung Pulaie.

Turut menyertai rombongan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat, Pegawai-pegawai Kanan daripada sektor Kesukuan, KKBS dan JAPEM serta Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang berkenaan.

Penerima-penerima sumbangan tersebut adalah terdiri daripada golongan yang menerima Bantuan Kebajikan Bulanan, Elaun Kurang Upaya, Pencen Umur Tua, dan Anak-anak Yatim. Program tersebut merupakan program tahunan KKBS untuk memperkukuhkan ikatan di antara pihak kerajaan dan masyarakat yang memerlukan.

Diharapkan pemberian ini dapat meringankan beban orang-orang susah selain untuk memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh kerian dan kesyukuran.



DBP ADAKAN PROGRAM 60 MINIT BERSAMA AL-QURAN



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

PEGAWAI Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Awang Superi semasa menyampaikan ceramah berjudul 'Al-Quran Sebagai Penawar Hati'. Sementara gambar bawah, program berkenaan diserikan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

masyarakat yang beragama Islam di negara ini untuk membaca Al-Quran, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan pagi tadi mengadakan Program 60 Minit Bersama Al-Quran sempena Sambutan Nuzul Al-Quran dan Hari



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir selaku tetamu kehormat pada Program 60 Minit Bersama Al-Quran sempena Sambutan Nuzul Al-Quran dan Hari Buku Sedunia.

Buku Sedunia.

Acara yang diadakan secara fizikal di Balai Sarmayuda, DBP Berakas dan secara maya menerusi laman sosial DBP itu dihadiri lebih dari 500 penyertaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Program diserikan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal

Bolkiah.

Seterusnya, ceramah berjudul 'Al-Quran Sebagai Penawar Hati' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Awang Superi.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Al-Quran beramai-ramai selama 60 minit, iaitu Juz 2, Surah Al-Baqarah, ayat 142 – 252.

Antara objektif penganjuran program berkenaan adalah untuk meraih berkat dan ganjaran pahala dalam bulan Ramadan dengan membawa orang ramai meluangkan

masa sekurang-kurangnya selama 60 minit untuk membaca dan mendengar bacaan ayat Al-Quran.

Program tersebut juga diharap dapat menambah ilmu, memberi manfaat dan mengeratkan lagi ukhuwah sesama Muslim khususnya pegawai, kakitangan, jempunan dan orang ramai yang mengikuti program berkenaan.

Turut hadir secara fizikal dan secara maya ialah ketua-ketua jabatan-jabatan, pegawai dan kakitangan kerajaan dan sektor swasta, para pelajar institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah, persatuan dan orang ramai.

BERAKAS, Selasa, 9 April. - Dalam usaha untuk memupuk budaya membaca dan menggalakkan



MINDA PEMBACA

Lakukan perubahan tangani obesiti

OBESITI merupakan satu cabaran kesihatan yang semakin meruncing di kalangan masyarakat hari ini. Ia bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal seseorang, tetapi juga memberikan kesan negatif kepada kehidupan sosial dan emosi. Oleh itu, adalah penting bagi kita untuk mengambil tindakan segera untuk menangani masalah obesiti ini.

Salah satu langkah pertama yang boleh diambil adalah dengan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan gaya hidup sihat

dan pemakanan yang seimbang. Program-program penerangan dan kempen kesihatan perlu ditingkatkan untuk memberi penekanan kepada kepentingan mengurangkan pengambilan makanan yang tinggi lemak dan gula serta meningkatkan aktiviti fizikal.

Selain itu, institusi pendidikan dan masyarakat perlu bekerjasama untuk mencipta persekitaran yang menyokong gaya hidup sihat. Inisiatif seperti menyediakan kemudahan untuk senaman fizikal, termasuk landskap

bandar yang mesra pejalan kaki dan berbasikal, boleh memberi dorongan kepada masyarakat untuk menjadi lebih aktif secara fizikal.

Selain itu, adalah penting juga untuk memperkuat sokongan kepada individu yang menghadapi masalah obesiti. Pengurusan kesihatan perlu memberikan bantuan dan sokongan yang diperlukan untuk membantu individu dalam usaha mereka untuk menguruskan berat badan dan menjalani gaya hidup yang lebih sihat.

Dalam mengatasi masalah obesiti,

kesedaran, penyertaan aktif dan sokongan adalah kunci kejayaan. Dengan melakukan perubahan positif dalam cara hidup kita dan memberi sokongan kepada mereka yang memerlukan, kita boleh bersama-sama mengatasi cabaran obesiti dan mewujudkan masyarakat yang lebih sihat dan sejahtera.

Nama : Halizah binti Mohd Su'ib
No. K/P : 01-102XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Jangan Pandang Ringan Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 10 April 2024
2. 'Membangun Masyarakat Bebas Rasuah'. Tarikh Tutup : 17 April 2024
3. 'Mewujudkan Persekitaran Inklusif Untuk Autisme'. Tarikh Tutup : 24 April 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENUTUPAN PERKHIDMATAN, PUSAT PANGGILAN TAP

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Tabung Amanah Pekerja

Jika 1 Syawal jatuh pada:	Kaunter Perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP	
	Akan tutup pada:	Kembali beroperasi pada:
Hari Rabu 10 April 2024	Hari Rabu, 10 April 2024 sehingga Hari Sabtu, 13 April 2024	Hari Isnin, 15 April 2024
Hari Khamis, 11 April 2024	Hari Khamis, 11 April 2024 sehingga Hari Isnin, 15 April 2024	Hari Selasa, 16 April 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Mac. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kaunter perkhidmatan di semua cawangan dan Pusat Panggilan TAP akan ditutup sempena hari kelepasan awam bagi Sambutan Perayaan Hari Raya Aidilfitri tertakluk kepada hasil penglihatan anak bulan Syawal 1445 Hijrah.

Menurut Siaran Akhbar TAP, jika 1 Syawal jatuh pada Rabu, 10 April 2024 kaunter perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP akan tutup pada Rabu, 10 April 2024 hingga Sabtu, 13 April 2024 dan kembali beroperasi pada Isnin, 15 April 2024.

Sementara, Jika 1 Syawal jatuh pada Khamis, 11 April 2024, Kaunter Perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP akan tutup pada Khamis, 11 April 2024 sehingga Isnin, 15 April 2024 dan kembali beroperasi pada Selasa, 16 April 2024.

Manakala, perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah (www.tap.com.bn) dan kiosk e-Info TAP akan terus beroperasi seperti biasa. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2722929 atau melalui e-mel ask@tap.com.bn semasa waktu bekerja.

Bagi mengetahui perkembangan terkini, ikuti laman media sosial TAP melalui Facebook atau @TAP_Brunei melalui Instagram.

Perubahan proses pengambilan di Perkhidmatan Awam

■ Siaran Akhbar : Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 April. - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ingin memaklumkan beberapa perubahan terhadap proses pengambilan di dalam Perkhidmatan Awam khususnya bagi jawatan-jawatan dalam Bahagian II dan ke bawah di dalam bidang kuasa SPA mulai 1 April 2024.

Perubahan ini adalah salah satu usaha bersepadu pejabat ini dengan kementerian-kementerian agar proses pengisian jawatan kosong lebih lancar, teratur dan memenuhi keperluan pihak kementerian dan jabatan.

Sehubungan itu, iklan jawatan-jawatan kosong yang tutup selepas 1 April 2024 akan diambil alih proses seterusnya oleh Urus Setia Pengambilan di kementerian-kementerian yang memegang kekosongan jawatan tersebut.

Bagi sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan kosong, pemohon-pemohon bolehlah menghadapkan terus ke kementerian yang berkenaan melalui modul 'Aduan Saya' di portal Public Service Commission Recruitment 2.0 (PSCR 2.0) dengan memilih nama jawatan yang betul (jawatan yang dipohon) untuk memastikan pertanyaan atau aduan adalah disalurkan ke kementerian yang betul khususnya bagi proses perakuan, ujian dan temu duga.

Untuk makluman juga, permohonan jawatan kosong masih lagi menggunakan platform portal PSCR2.0 (www.recruitment.gov.bn).

Orang awam terutamanya *jobseekers* dan pemohon dari kalangan warga Perkhidmatan Awam adalah disarankan untuk melengkapkan profil PSCR 2.0 dengan lengkap, betul, kemas kini dan teratur dengan memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan sebelum membuat sebarang permohonan bagi melancarkan lagi proses permohonan dan pengisian jawatan kosong di Perkhidmatan Awam.

Manakala, iklan jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam masih boleh terus dilihat di Portal PSC Recruitment 2.0 (www.recruitment.gov.bn), media sosial *PSC.BN* (Instagram, Facebook serta Telegram Channel) dan juga di akhbar Pelita Brunei pada setiap Sabtu.

Bagi sebarang pertanyaan berkaitan portal PSCR 2.0 boleh mendapatkan bantuan melalui saluran-saluran lazim seperti modul 'Aduan Saya' PSCR 2.0, talian WhatsApp dan Telegram +673 7371961, media sosial *PSC.BN* (Facebook, Instagram dan Telegram Channel) serta Kaunter PSCR 2.0 di tingkat 1, Wing B, Bangunan SPA.

Kenali Bahasa Brunei

Pamarang bermaksud sejenis alat pemotong atau senjata daripada besi yang berhulu, tetapi lebih besar daripada pisau.
Contoh pemakaian kata : pakai pamarang bapa manabas-nabas samak di balakang rumah atu, takutnya jadi sarang ular.

Pampan bermaksud tutup.
Contoh pemakaian kata : Babu manyuruh pampan saja pakai kayu pintu yang balubang sadikit atu, inda payah kan diganti baru.

Kapampanan bermaksud tertutup atau terlindung oleh sesuatu sehingga tidak kelihatan.
Contoh pemakaian kata : sasat kadikami baunjar rumahnya, tanda simpangnya atu kapampanan ulih cabang pukuk mangga ah.

Pancir bermaksud asal keturunan atau salasilah.
Contoh pemakaian kata : paranak abis tengah ada tu mambuat pancir kaluarga kitani, iatah ucapan bisdia sapancir dangan Pengiran Bendahara Sakam.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Foto : Norliah Md. Zain

Udang Galah Masak Merah RPN Kampung Mentiri Kawasan II

BAHAN-BAHANNYA :
5 ekor udang galah yang telah dibersihkan
Lada kering (dikisar)
Bawang merah (dikisar)
Bawang putih (dikisar)
Bawang besar (dikisar)
Cili boh

Air asam jawa
Garam
Ajinomoto

CARA MEMASAK :
Tumis lada kering yang telah dikisar bersama cili boh. Kemudian masukkan bawang-bawang yang

telah dikisar, gaul dan biarkan hingga pecah minyak. Masukkan udang galah. Setelah agak sebatu masukkan air asam jawa dan kacau. Bubuh garam dan ajinomoto ikut selera masing-masing. Siap untuk dihidangkan.



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 60 / 2024 / TUT

Keterangan:
Replacement Of DX- ACCUS And AHU C/W Associated Works At CSSD Building, PMMPMHAMB Hospital Tutong

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 61 / 2024 / TUT (TC)

Keterangan:
The Provision Of Maintenance Services For Fire Alarm System, Carbon Dioxide [Co2] Fire Suppression System, Fire Hose Reel System And Fire Extinguishers For Buildings Under PMMPMHAMB Hospital Tutong And National Isolation Centre Tutong, Ministry Of Health For Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 62 / 2024 / HTD(TC)

Keterangan:
The Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Automated External Defibrillator (As And When Required) Inclusive Of Consumables And Comprehensive Maintenance Services With Spare Parts For Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 63 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:
The Supply, Delivery And Maintenance Of Hearing Aids For Audiology Services, Department Of Otorhinolaryngology, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Two (2) Years (Part 1)

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:



KK / 64 / 2024 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Coagulation Reagents With Equipment Rental For National Haematology Reference Laboratory, RIPAS Hospital, PMMPMHAMB Hospital Laboratory, SSB Hospital Laboratory And PIHM Hospital Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kelas:
II ke bawah

Kategori:
M01 & E01

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 65 / 2024 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver External Quality Assurance (EQA) Materials For National Clinical Chemistry Reference Laboratory, District Laboratories And Point Of Care Testing (POCT) Section, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage, Part I

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 April 2024,
Jam 2.00 Petang



Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Tajuk Sebut Harga:
JDB / 1.1 / 2024 / PERSEMAHAN KHAS / A / 2024

Nama Projek:
Sebut Harga Bagi Pakej Pengendalian Persembahan Khas Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Bagi Daerah Belait Tahun 2024.

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 April 2024,
Jam 2.00 Petang



Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II sahaja



Kes No.
BCY / CP / 340 / 2007

Baiduri Sendirian Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Pg. Haji Idris bin Pg. Haji Mahmud (00-054945)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Kategori :
KA01 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
26 Mac 2024.
Selasa.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
16 April 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 010 / 2024

Nama Projek:
Penambahbaikan Sistem Bekalan Air (Pembinaan Tangki-Tangki Air dan Peningkatan Sistem Pam



Air) - Pembinaan Tangki Air Tambahan Terunjing - Telemetry Hut.

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 Februari 2024**.

Nama dan alamat Bankrap:
Pg. Haji Idris bin Pg. Haji Mahmud
No. 326A, Kg. Bengkurong A,
KM16, Jalan Tutong,
Sengkurong BG1121
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
5 Januari 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan

Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
27 Mac 2024

Fatin Fikriyah binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



Kes No
BCY / CP / 108 / 2010

Standard Chartered Bank
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Nooreta binti Haji Umar (00-072394)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **13 November 2010** telah dibatalkan pada **7 Mac 2024**.

Nama Penghutang :
Nooreta binti Haji Umar

Alamat Penghutang :
No. 22, Simpang 50, Kampung Bukit Udal, Tutong, TD2341
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
25 Mac 2024

Kes No.
BCY / CP / 69 / 2023

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Jakeria bin Lajim (31-003106)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Mac 2024**.

Nama dan alamat Bankrap:
Jakeria bin Lajim
No. 9, Simpang 65, Jalan Binglu

Utara, Kampung Meragang,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
15 Februari 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
21 Mac 2024

Nurul Hidayah binti Hamdan
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
RTB / K / 03 / 24 - 25 –
Perkhidmatan Sewa Dan Pemasangan Skrin LED,

Rostrum Serta Pembuatan Backdrop Dan Lampu LED Untuk Program Hiburan, Bahagian Rancangan Televisyen, RTB.

Bayaran Tawaran (termasuk e-dokumen) :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,



17 April 2024,
Jam 2.00 Petang



Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 283 / 2023

Malayan Banking Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Roslaniah binti Hj Abdul Rahman
(00-300340)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **17 Februari 2024**.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:

Roslaniah binti Hj Abdul Rahman
No 3, Simpang 40-175-1, Kampung
Sungai Akar, Jalan Muara, BC3915

Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petyen :
11 Januari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang
yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di **Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
23 Mac 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **17 Februari 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan
di **Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9),**
Mahkamah Besar pada 22 Mei
2024, jam 2.30 Petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi
di sana bukti-bukti kamu mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan pada
22 Mei 2024, jam 2.30 Petang di
Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
23 Mac 2024

Nurulbilla Aqilah binti Haji
Mohd Ali
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



Tajuk Tawaran :
Supply And Delivery Of Light Duty
Pick – Up Truck For Department
Of Electrical Services (Recall)

Peti Tawaran
Unit Tawaran Dan Sebut Harga
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 001 / 2024

Tarikh Ditutup :
23 April 2024 (Selasa)

Jam :
2.00 Petang

Tempat Tutup :
"Tender Box"
Pengurusan Lembaga Tawaran
Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan :
ROCBN
(Agen / Penjualan Kenderaan
Bermotor Baharu)

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :-

1. Tawaran dibukakan kepada
Syarikat – Syarikat Yang
Berdaftar Dengan ROCBN.
2. Harga dokumen tawaran



bagi "Supply And Delivery Of
Light Duty Pick – Up Truck
For Department Of Electrical
Services (Recall)" akan dikenakan
dengan harga **BND30.00 (Tidak**
dikembalikan).

3. Penender yang berminat untuk
mengikuti tawaran ini bolehlah
membuat pembayaran terlebih
dahulu di Kaunter Pembayaran
di **Ibu Pejabat Jabatan**
Perkhidmatan Elektrik dan
dokumen tawaran boleh diambil
di Unit Tawaran Dan Sebut Harga,
Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Lapangan
Terbang Lama, Berakas.

4. Dokumen tawaran yang
lengkap hendaklah dihantar ke
Unit Tawaran Dan Sebut Harga,
Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Lapangan
Terbang Lama, Berakas dalam
sampul surat yang tertutup dengan
membubuh tajuk "Supply And
Delivery Of Light Duty Pick –
Up Truck For Department Of
Electrical Services (Recall)", Bil.
Rujukan: **JPE / LTK / PDP / 001 /**
2024" dan memasukkan ke dalam
peti tawaran yang telah disediakan.

5. Tarikh tutup tawaran adalah pada
Selasa, 23 April 2024, Jam 2.00
Petang dan tawaran yang lewat
diterima tidak akan dilayan.

6. Hanya penender yang berjaya
sahaja akan dimaklumkan /
pemberitahuan.



Tawaran Perkhidmatan
Bagi Sekolah Ugama
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

Daerah Brunei dan Muara

No. Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 21 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Lambak,
Jalan Bedil,
Kawasan Brunei IIA

Bayaran :
BND10.00
(Bayaran tidak dikembalikan)

No. Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 19 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Sungai Besar,
Kawasan Brunei IIB

Bayaran :
BND10.00
(Bayaran tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Memuat Naik :
Selasa, 7 Syawal 1445H /
16 April 2024M

Tarikh Akhir Menghantar :
Rabu, 8 Syawal 1445H /
17 April 2024M
Sebelum jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran /
Sebut Harga

1. Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPLK77 / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)

Bagi Sekolah Ugama Perpindahan
Lambak Kanan Jalan 77,
Kawasan Brunei IIA

2. Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SULK /
2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)

Bagi Sekolah Ugama Lambak
Kanan, Kawasan Brunei IIA

TEMPOH 12 BULAN DI BAWAH
KAWALAN JABATAN
PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA
Tahun 1444H-1445H /
2023M-2024M

Tarikh Tutup Menghantar Borang
Sebut Harga Adalah Pada :
Rabu, 15 Syawal 1445H /
24 April 2024M
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 001 / 2024

Tajuk Tawaran:
Supply and Delivery of Light
Duty Pick – Up Truck
For Department of Electrical
Services (RECALL)

Tarikh Tutup :
Selasa,
23 April 2024,
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan Kelas :
ROCBN (Agen / Penjualan
Kenderaan Bermotor Baharu)



Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 02

Tajuk Tawaran:
Ground Handling Services :
To Provide Familiarisation Trip
Services For Singapore Agents,
29 April 2024 - 3 May 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
18 April 2024,
Jam 2.00 Petang



Tawaran Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri

Bilangan Sebut Harga:
JDB / 02 / 2024

Nama Sebut Harga:
Sebut Harga Penyewaan Bas
Selama 3 Tahun

Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
30 April 2024,
Jam 2.00 Petang



KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebijl
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijl ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

ACARA KEAGAMAAN TERUS SEMARAKKAN RAMADAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid




SERUSOP, Isnin, 8 April. - Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah serta penyampaian derma kepada anak-anak yatim bersempena dengan bulan Ramadan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid

Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop, Awang Haji Symsul Nizam bin Haji Badar. Ini diikuti dengan penyampaian derma kepada 30 orang anak yatim yang terdiri daripada mereka yang tinggal di kawasan Kampung Serusop dan Kampung Delima Satu.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan yang dibacakan oleh Pegawai Masjid, Mohammed Bolkiah, Awang Mohammad Omar Afiq Hasyir bin Awang Haji Ismail. Hadir sama, Pemangku Ketua Kampung Serusop dan Delima Satu, Pengiran Roslan bin Pengiran Tuah.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada penerima (atas dan kanan).

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- Lengkapkan Profil PSKR 2.0**
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- Lengkapkan Kelulusan**
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
- Lengkapkan Maklumat**
(kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



PUASA sunat enam hari di bulan Syawal adalah ibadat yang sangat dianjurkan dan merupakan peluang terbaik dalam usaha kita meningkatkan amalan berkebajikan selepas puasa Ramadan. Keutamaan orang yang melakukan ibadat ini ada disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab shahihnya, daripada Abu Ayub Al-Ansari Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Barang siapa berpuasa Ramadan kemudian mengiringinya dengan puasa enam hari pada Syawal, adalah puasanya itu seperti puasa sepanjang tahun".

Berdasarkan hadis di atas, sebahagian ulama menjelaskan bahawa orang yang mengerjakan puasa Ramadan sebulan penuh kemudian diikuti pula dengan puasa enam hari bulan Syawal akan diberikan ganjaran seperti pahala berpuasa selama satu tahun kerana setiap kebajikan itu dibalas atau diberikan dengan 10 kali ganda. Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-An'aam, ayat 160, yang mafhumnya :

"Sesiapa yang membawa kebajikan (pada hari Kiamat), maka baginya (pahala) 10

Hikmah Puasa Enam

kali ganda (daripada amalannya) dan sesiapa yang membawa kejahatan maka dia tidak akan dibalas melainkan seimbang dengan (kejahatan) nya sedang mereka (sedikit pun) tidak dianiaya".

Ayat ini menjelaskan bahawa satu *hasanah* (pahala kebaikan) akan diganjar sebanyak 10 kali ganda kebaikan, bererti puasa Ramadan selama satu bulan seumpama puasa 10 bulan iaitu 30 hari di bulan Ramadan diganjar sebanyak 300 hari. Manakala puasa enam hari di bulan Syawal seumpama puasa dua bulan iaitu enam hari di bulan Syawal pula diganjar dengan 60 hari. Jika dikira jumlahnya ialah 360 hari, ia hampir menyamai jumlah hari di dalam setahun sebanyak 360 hari.

Justeru itu, umat Islam perlu merebut peluang ini kerana kelaziman amalan sunat dilakukan adalah bertujuan menampal sebarang amalan yang kurang atau cacat dalam amalan fardu. Ada kemungkinan amalan puasa kita pada Ramadan berkurangan atau pun cacat sedikit, maka puasa enam hari di bulan Syawal adalah sebagai penampal terhadap kekurangan atau kecacatan itu. Bagi wanita yang tidak dapat berpuasa penuh pada Ramadan kerana uzur syar'ie, maka puasa enam memberi peluang yang baik kepada mereka untuk menggantikannya di samping mendapat pahala puasa sunat. Ia juga dapat mengelakkan budaya atau sikap suka lewat-lewatkan qadha puasa sehingga

Ramadan hampir menjelang pada tahun akan datang.

Adapun hikmah puasa enam hari di bulan Syawal itu antaranya :

i. Puasa enam hari di bulan Syawal selepas Ramadan menyempurnakan pahala puasa sepanjang tahun bagi seorang Muslim.

ii. Hikmah disyariatkan puasa enam hari di bulan Syawal adalah sebagai pengganti puasa Ramadan yang dikhawatirkan ada yang tidak sah. Ini bererti puasa di bulan Syawal dan Syaaban sama seperti sembahyang sunat dan sembahyang rawatib sebelum atau selepas sembahyang fardu yang berfungsi menampung segala kekurangan dan kecacatan dalam ibadat fardu, kerana ibadat fardu disempurnakan oleh ibadat nawafil di hari Kiamat.

iii. Puasa Ramadan mewajibkan seseorang memperoleh keampunan daripada dosa-dosa yang terdahulu. Oleh itu orang yang berpuasa enam hari di bulan Syawal merupakan ungkapan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengampuni dosa-dosa di sepanjang bulan Ramadan.

iv. Puasa enam hari di bulan Syawal antara amalan-amalan yang menunjukkan bahawa Allah menerima ibadat dan puasa seseorang di bulan Ramadan. Oleh itu berpuasa enam hari di bulan Syawal menunjukkan tanda keikhlasan seorang hamba kepada Allah. Ini seolah-olah

menunjukkan bahawa ia tidak melakukan ibadat puasa semata-mata kerana ia menjadi satu kewajipan tetapi kerana rasa diri sebagai seorang hamba yang benar-benar bersungguh-sungguh untuk *taqarrub* kepada Tuhannya.

v. Dari sudut kesihatan, puasa selama sebulan penuh di bulan Ramadan menyebabkan sistem pencernaan di dalam badan berehat seketika di waktu siang selama sebulan. Kedatangan bulan Syawal pula menyebabkan seolah-olah ia mengalami kejutan dengan diberikan tugas mencerna pelbagai makanan pada Hari Raya dan hari-hari selepasnya. Oleh kerana itulah, Puasa Enam ini memberikan ruang kembali kepada sistem pencernaan badan untuk berehat dan bertugas secara beransur-ansur untuk kebaikan tubuh badan itu sendiri.

vi. Hikmah atau rahsia puasa enam hari pada bulan Syawal adalah mendidik kesabaran insan dan mengekang nafsu, sekali gus tidak menjadikan Hari Raya sebagai tempoh untuk membalas dendam iaitu dengan mengambil pelbagai makanan lazat yang terhidang sepuas-puasnya selepas sebulan berpuasa.

vii. Ia juga akan memberi kesempatan kepada tubuh badan kita untuk menyesuaikan diri sesudah dilatih sebulan penuh menahan lapar dan dahaga. Justeru diutamakan Puasa Enam bermula pada 2 Syawal.

Demikianlah di antara hikmah berpuasa enam hari di bulan Syawal, mudah-mudahan yang demikian itu akan mendorong kita untuk melakukannya, InsyaaAllah.

AMG AGIHKAN 400 PEK MAKANAN



AL-MUYASSAR Group (AMG) mengadakan Program Ramadan Berbagi Bersama AMG, iaitu projek tahunan yang diadakan pada bulan Ramadan dengan mengagihkan pek makanan ke masjid-masjid yang terpilih (kiri dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Al-Muyassar Group

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Program Ramadan Berbagi Bersama AMG adalah projek tahunan Al-Muyassar Group (AMG) yang diadakan setiap kali bulan Ramadan iaitu mengagihkan pek makanan ke masjid-masjid yang terpilih.

Tahun ini AMG telah berjaya

mengagihkan sebanyak 400 pek makanan dan sebanyak 120 cawan minuman ke masjid-masjid yang terpilih di Daerah Brunei dan Muara.

Sumbangan tersebut merupakan sumbangan daripada pelajar-pelajar, ahli keluarga pelajar dan ahli AMG sendiri.

Sebanyak 200 pek makanan telah diagihkan pada Jumaat, 22 Mac yang lalu di mana daripada 200 pek makanan tersebut, sebanyak 80 pek makanan telah diagihkan ke Masjid Lambak Kanan; 60 pek makanan diagihkan ke Masjid Universiti Brunei Darussalam; dan selebihnya 60 pek makanan telah diagihkan ke Masjid Al-Hajjah Maryam Jerudong.



Seterusnya baki 200 pek makanan lagi telah diagihkan pada Jumaat 29 Mac di mana pembahagian makanan ini dibahagikan kepada tiga buah masjid yang terpilih iaitu sebanyak 80 pek makanan diagihkan ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah; 60 pek makanan diagihkan ke Masjid Ash Shaliheen; dan 60 pek makanan diagihkan ke Masjid Salambigar.

Pada Jumaat, 5 April baru-baru ini, AMG menghantar sumbangan berbentuk minuman sebanyak 120 cawan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

AMG adalah Pusat Pengajian Al-Quran yang beroperasi sepenuhnya secara dalam talian dan telah beroperasi selama enam tahun.

Kongsi kegembiraan menjelang Syawal



SEKITAR projek amal 'Indahnya Berbagi Di Bulan Mulia' yang disampaikan oleh Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor, Mentiri, Haji Awang Md. Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Bulan Ramadan adalah bulan yang penuh dengan kemuliaan, bulan keberkatan dan bulan limpahan pahala, bahkan setiap amalan akan dilipat gandakan di bulan ini berbanding dengan bulan-bulan yang lain.

Oleh itu, salah satu amalan yang dituntut adalah amalan bersedekah yang mana ia banyak mendatangkan manfaat dan faedah, lebih-lebih lagi jika dilakukan di dalam bulan Ramadan yang penuh berkah ini.

Bersedekah antaranya menjadikan lagi jalan bagi seorang hamba mendekatkan dirinya kepada Allah Subhanahu

Wata'ala, menambah keimanan, menghapuskan dosa serta mendapatkan ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 RPN Panchor, Mentiri telah melaksanakan projek amal 'Indahnya Berbagi Di Bulan Mulia' dengan menyasarkan seramai 37 penerima terdiri dari ibu-ibu tunggal dan golongan yang memerlukan bagi penduduk-penduduk RPN Kampung Panchor, Mentiri yang terpilih pada tahun ini yang disumbangkan oleh Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) melalui projek mereka 'Santunan Kasih Ramadan

PSW'.

Penyerahan tersebut disampaikan oleh Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor, Mentiri, Haji Awang Md. Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim berserta Ahli-ahli MPK dengan mengunjungi ke rumah-rumah kediaman para penerima yang terpilih.

Semoga dengan adanya usaha murni seperti ini dapatlah sedikit sebanyak memberikan keceriaan buat ibu-ibu tunggal dan golongan yang memerlukan dalam sama-sama menyambut bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini dan juga menyambut kedatangan bulan Syawal yang bakal menjelang tiba.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 RPN Kampung Panchor Mentiri





سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?



Layari www.recruitment.gov.bn dan semak "Kalender Saya"

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

KHATAM AL-QURAN IMARAHKAN BULAN RAMADAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Masjid Sultan Sharif Ali Sengkuring

PENGHULU Mukim Sengkuring, Dr. Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran (kiri) manakala gambar bawah, antara yang menyertai majlis berkenaan.

SENGKURONG, Ahad, 7 April. - Acara tadarus tiap malam yang diadakan sejak awal Ramadan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring, Jemaah Muslimah dan Belia Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di masjid berkenaan, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penghulu Mukim Sengkuring, Dr. Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman. Mailis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Haji Awang Mohd. Zaidin bin Haji Mohd. Noor.

Seterusnya bacaan Tahtim Khatam Al-Quran pula dipimpin oleh Bilal Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring, Awang Mohammad Nurkhairi bin Haji Abd. Mustafa,



manakala Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh Haji Awang Mohd. Zaidin dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan Dan Negara

Brunei Darussalam oleh Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Haji Awang Manan bin Haji Osman. Majlis Penutup dan Khatam

Al-Quran tersebut turut dihadiri oleh para jemaah masjid lelaki dan perempuan.

Acara ini adalah salah satu aktiviti

tahunan yang termasuk dalam kalender Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring di setiap tahun dalam bulan Ramadan.



Khatam Al-Quran Kelas Tajwid Al-Quran

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Ahli Kelas Tajwid Al-Quran Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit



AHLI Kelas Tajwid Al-Quran Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran di masjid berkenaan (atas kanan) manakala gambar atas, sekitar majlis berkenaan.

MADANG, Ahad, 7 April. - Hari-hari terakhir bulan Ramadan terus disemarakkan dengan acara-acara keagamaan bagi meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda yang dikurniakan pada bulan suci ini.

Sehubungan itu, Ahli Kelas Tajwid Al-Quran Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit sama-sama menyemarakkan lagi bulan Ramadan dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di masjid berkenaan.

Majlis yang julung kali diadakan itu adalah sebagai menzahirkan rasa kesyukuran para ahli kelas yang mengikuti kelas menghalusi bacaan Al-Quran dan mempelajari

hukum-hukum tajwid yang menjadi kewajiban bagi pembaca Al-Quran.

Kelas berkenaan diadakan pada setiap pagi Selasa dan Rabu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Guru Kelas Tajwid, Awang Md. Suhnomardi bin Haji Suhaimi, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim dan diteruskan dengan bacaan doa khatam dan doa tahlil.

Majlis turut diserikan dengan dikir marhaban dan diakhiri dengan bacaan doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Md. Suhnomardi.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak



PERITA BRUNEI, Rabu 1 April, 1964.

MUKA 5

Ahli2 Persatuan Belia Bandar Brunei Melawat Temburong

PEKAN BANGAR. — Ahli2 Persatuan Belia Bandar Brunei telah melangsungkan lawatan-nya ka-Temburong pada 21 Mach dengan menaiki empat buah moto2 sangkut. Mereka telah di-alah-kan oleh ahli2 Klab Temburong sa-tiba-nya di-Pekan Bangar.

Sa-jurus sa-lepas itu mereka telah di-jemput berehat di-rumah Klab Temburong di-mana mereka telah di-layan dengan jamuan minum pagi.

Dengan di-temani oleh ahli2 Klab Temburong, ahli2 rombongan dari Brunei kemudian telah meletakkan kalong bunga di-Tugu Peringatan bagi pegawai2 kerajaan yang terkorban dalam masa berlaku-nya penderhakaan dalam bulan Disember, 1962. Ini ada-lah sa-bagai tanda penghormatan kepada mangsa2 yang malang itu dari Persatuan Belia Bandar Brunei.

Sa-lepas melihat2 dan melawat ka-tempat2 yang menarek di-sekitar Pekan Bangar, pelawat2 itu telah di-raikan sa-kali lagi oleh Klab Temburong dengan jamuan makan tengah hari.

Dalam ucapan-nya sa-bagai mengalu2kan pelawat2 tersebut, Awang Harris bin Judin, saorang pegawai dari Klab Temburong berkata bahawa klab-nya berasa sukachita dapat berjumpa dengan ahli2 P.B.B.B. dan berharap akan berpeluang melihat2 keadaan di-



Ahli2 Persatuan Belia Bandar Brunei bergambar ramai di-Pekan Bangar bersama2 dengan ahli2 Klab Temburong untuk kenang2an sa-masa lawatan ahli2 persatuan itu ka-sana pada 21 Mach, 1964.

nya sangat2 terhutang budi dan sudah tentu-lah budi baik dan kemesraan yang di-tunjokkan oleh ahli2 Klab Temburong itu akan sentiasa menjadi ingatan baik bagi sa-tiap ahli P.B.B.B. tegas beliau.

P. B. B. B. ANJORKAN LARI MERENTAS DESA TAHUNAN

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Belia Bandar Brunei telah mengambil keputusan akan menganjorkan lomba lari merentas desa (cross-country-race) sa-bagai achara tahunan, dan akan mengadakan-nya dalam bulan depan.

Keputusan ini telah diambil dalam satu mashuarat bulanan jawatan kuasa tad-bir bulan lepas.

Persatuan itu telah bersetuju bahawa perlumbaan yang terbuka kepada orang ramai di-negeri ini, akan di-adakan buat pertama kali pada 12 Mei akan datang, bersamaan dengan 1 Muharram, tahun Islam.

Perlumbaan itu di-bahagi kepada lima bahagian :

- (a) kanak2 — berumur 15 tahun ka-atas,
- (b) pemuda — berumur antara 15 dan 35 tahun,
- (c) orang tua — berumur 35 tahun ka-atas,
- (d) pasokan — enam orang sa-pasokan, dan
- (e) bahagian wanita.

Hadih2 dan sijil akan di-berikan kepada pemenang2 pertama, kedua dan ketiga bagi tiap2 bahagian, dan sijil kepada peserta2 yang berjaya mengah-biskan perlumbaan itu dengan sempurna.

Para dermawan yang bermurah hati akan mendermakan hadiah2 ada-lah di-alu2kan oleh Persatuan Belia Bandar Brunei, dan hubungan boleh-lah di-buat sama ada kepada Yang Dipertua (Awang Yahya bin Yusof) di-Jabatan Imigresen, atau kepada Naib Yang Dipertua (Pengiran Haji Puteh) di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, kedua2-nya di-Bandar Brunei.

Penerangan2 lanjut juga boleh di-dapat dari pegawai2 di-atas atau dari pegawai2 lain-nya persatuan itu.

Satelah itu rombongan para pelawat tersebut-pun di-bawa mudak dengan moto2 sangkut khas — temuai, untuk melihat2 keadaan di-ulu sungai dan kelompok2 batu karang dan ayer deras.

Awang Mat Noor Mac'Affe President Klab Temburong berkata bahawa lawatan ka-Temburong yang di-buat oleh persatuan itu ada-lah julong2 kali di-buat oleh sa-barang persatuan dari luar daerah itu.

Tunaikan Fardhu Haji

BANDAR BRUNEI. — Seramai 15 orang dari Brunei akan berangkat dengan kapal terbang ka-Jeddah dalam bulan ini untuk menunaikan fardhu Haji.

Beliau2 itu ada-lah mengan-dongi 4 orang yang akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei dan 11 orang yang akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan sendiri.

Orang2 yang akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei ia-lah Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Pengiran Apong bin Pengiran Saifuddin, Pengiran Matussin bin Pengiran Piut dan Awang Ali Khan bin Abdul Khan.

Menurut jadual penerbangan yang telah di-tetapkan, 12 orang termasuk beliau2 tersebut akan berangkat dari Brunei ka-Singapura pada hari Khamis 2 April, manakala 3 orang lagi akan berangkat dari Brunei ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari Juma'at 3 April.

Semua-nya itu akan berangkat dari Kuala Lumpur ka-Jeddah dengan kapal terbang pada hari Selasa 7 April dan berangkat balek dari Jeddah ka-Kuala Lumpur pada 2 Mei satelah menunaikan fardhu Haji.

JANGAN MENGUBOR DI-MAKAM S.B.

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 di-Negeri Brunei ada-lah di-ma'alomkan bahawa mereka tidak-lah lagi di-benarkan menguburkan mayat atau menempatkan kuburan2 baru di-keliling kawasan Makam Sultan Bolkiah.

Perkara tersebut ia-lah untuk menjaga dan memelihara keadaan purba Makam Sultan Bolkiah yang bersejarah itu supaya Makam itu tidak menjadi terganggu sa-bagai mana asal-nya. Demikian menurut Surat Keliling Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei yang telah di-terbitkan baharu2 ini.

BINATANG DERHAKA "DI-DENDA"



BINATANG ini (atas) jarang2 benar di-jumpa orang dan untuk menangkap-nya pun tidak-lah bagitu mudah. Di-panggil orang "raja kedurau" atau raja tikus.

Bentuk badan-nya sa-akan2 sa-ekor tikus; hanya bulu-nya yang panjang itu berwarna putih melepak dan jauh lebih besar dari tikus (panjang-nya kira2 11 inchi dan tinggi-nya dalam 5 inchi). Dari tempat yang agak jauh sedikit kelihatan sa-olah2 sa-ekor landak.

Menurut orang tua2 kita, konon-nya binatang ini dahulu-nya ia-lah raja segala tikus.

Apakala tikus2 mendapati bahawa kedurau itu bilut dan hianat maka ia pun di-pulau dan di-singkirkan oleh mereka.

Sa-bagai denda dan balasan atas penghianatan itu maka semua tikus2 telah membuangi-nya ayer kechil. Hingga sekarang-lah bau kenching itu maseh melekat di-tuboh binatang kedurau — bekas raja tikus itu!



Fenomena raya dahulu, sekarang

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Jabatan Penerangan, Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Ihsan Evi Hidayatul Ezwana Haji Ramlee

AIDILFITRI yang disambut saban tahun merupakan hari kemenangan dan satu anugerah Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Islam setelah berjuang dalam melawan hawa nafsu sama ada secara batin mahupun lahiriah setelah sebulan berpuasa maka Hari Raya di bulan Syawal adalah sebagai menzahirkan kesyukuran kita kepada Yang Maha Esa di atas rahmat dan inayah-Nya juga.

Jika kita amat-amati, Sambutan Hari Raya Aidilfitri sekarang ini amat ketara perubahannya berikutan arus perjalanan zaman dan kepesatan teknologi yang begitu canggih yang mana ianya banyak memicu kepada berubahnya tatacara suasana perayaan dan mungkin ianya akan berlaku ditelan zaman begitu sahaja.

Perhiasan rumah

Menjelang lebaran Aidilfitri sudah tentu agak sibuk untuk menghias rumah dari luar hingga ke dalam rumah.

Kaum lelaki sibuk dengan mencat rumah kerana sebahagiannya ada masyarakat kita suka menukar cat warna rumah setiap tahun seakan memberikan wajah baharu dan menyerikan lagi pada raya yang diraikan.

Selain mengubah wajah rumah dengan warna-warna pilihan, kerlipan lampu cucul berwarna-warni juga begitu indah menyerlahkan di malam-malam raya dan kini penggunaan lampu cucul LED yang menggunakan tenaga solar tanpa menggunakan elektrik semakin meluas dan banyak digunakan berbanding dengan dahulu yang hanya menggunakan lampu minyak tanah dan pelita kemudian bertukar kepada lampu cucul menggunakan tenaga elektrik.

Begitu juga dengan permainan mercun atau lebih sinonim dengan sebutan bedil menggunakan buluh sekarang sudah tidak lagi digunakan seakan-akan ditelan zaman berlalu begitu sahaja juga disebabkan berikutan adanya mercun dan bunga api pelbagai jenis namun harus diingat penggunaan bunga api dan mercun wajar mengikut prosedur keselamatannya tanpa memudaratkan diri sendiri, jiran-jiran dan

sekeliling.

Fesyen busana raya

Di negara kita masih beruntung kerana pakaian kebangsaan seperti baju Melayu bagi lelaki dan baju kurung bagi perempuan masih dipraktikkan dalam pemakaian bagi setiap majlis dan acara yang disambut sama ada dalam apa keraian dan acara, manakala kaum perempuan yang mengenakan baju kurung asli atau fesyen masih kekal diterapkan di dalam pejabat-pejabat.

Apa yang pasti perubahan paling jelas kelihatan dalam menyambut Aidilfitri sekarang ini iaitu dari segi pakaian *readymade* atau siap pakai yang direka dengan pelbagai fesyen, corak dan mengikut selera atau trend terkini seperti set baju Melayu dengan jinjang instant yang begitu mudah dan menjimatkan masa berbanding cara tradisi iaitu dengan bertapih.

Sementara itu, pakaian wanita pun tidak kurang hebatnya dengan pelbagai corak fesyen dan trend seiring perkembangan semasa terkini yang begitu ketara sekali dari baju kurung, baju kebaya, baju 'opah' sehingga sekarang baju raya dihias dengan rekaan sulaman, lace serta penggunaan manik yang berkelip dan sebagainya bagi menyerlahkan lagi busana dalam menyambut Hari Raya.

Apa yang penting adalah pakaian perlu rapi, sopan dan tidak menjolok mata sama ada saat berkunjung ke rumah orang mahupun semasa melayan tetamu yang datang.

Ucapan raya / sampul raya

Mengimbas kembali saat hampirnya suasana menjelang Aidilfitri dulu-dulu, Pejabat Pos antara yang agak sibuk dengan menerima banyak kiriman kad-kad raya untuk dihantar kepada si penerima, posmen akan mengedarkan kad-kad raya mengikut kawasan yang dikirimkan.

Namun ledakan teknologi sekarang ini merubah trend kepada Internet yang bergerak pantas dan menjimatkan kos, tenaga dan masa dengan hanya mengirim pesanan

melalui telekomunikasi telefon bimbit kepada sesiapa sahaja bahkan buat keluarga yang jauh di negeri seberang.

Selain kad raya, sampul raya juga seakan sudah mengalami transformasi mengikut peredaran zaman dengan pelbagai corak yang bertukar setiap musim perayaan sehinggalah kini adanya duit raya secara online yang sudah digunakan sekarang.

Malam raya

Di negara kita, malam raya dipanggil juga 'malam pukul' kemungkinan malam itulah terserlah keghairahan suasana Hari Raya di mana setiap ahli keluarga pastinya sibuk membuat persiapan *last minute* secara beramai-ramai seperti memasang langsir, menghias cucul dan yang pastinya kesibukan kerja-kerja di dapur, antaranya menggoreng popia, kacang gajus, keropok dan tidak kurangnya menyediakan untuk masakan juadah di pagi Hari Raya Pertama.

Namun apa yang perlu diingat di mana kita juga perlu berjimat dan berhemah dalam berbelanja dan jangan boros hanya kerana mahu bergaya dan nampak mewah. Berbelanja ala kadar sahaja tanpa merumitkan dan menjadi bebanan serta atur kewangan sesuai keperluan dan bajet.

Hidangan juadah

Kuih-kuih bahu, cincin, sapit, kelupis dan beberapa hidangan kuih tradisi antara juadah raya yang menjadi keutamaan untuk disajikan kepada para tetamu yang datang suatu ketika dahulu.

Kemudian seiring peralihan waktu juadah tersebut bertukar cita rasa sehingga sekarang di mana hidangan kuih-muih juga telah berubah kepada yang lebih moden antaranya kek lapis yang beraneka rasa serta warna dan bentuk, kek roll termasuk tapak kuda, tapak gajah dan sebagainya antara yang terhidang di atas meja. Generasi masa kini juga lebih gemar menikmati kuih moden daripada kuih tradisional.

Namun kuih mor, kek pelangi antara kuih / kek *legend* yang kekal menjadi satu 'kemestian' yang perlu ada di kebanyakan rumah dan kemungkinan ia menepati cita rasa kita sehingga bertahan ke hari ini.

Hidangan tidak semestinya mewah, apa yang utama ialah niat keikhlasan kita menyajikan para tetamu dan kesempatan menjalin ukhwa dan bermaaf-maafan di hari mulia ini.

Menjaga adab berhari raya

Apapun dalam kerian dan keghairahan kita meraikan Syawal, perlu kita mengetengahkan sikap tingkah laku kita serta menjaga adab antaranya sebelum berziarah ke rumah yang hendak dituju, perlu kita meminta izin untuk datang berziarah dan memilih masa yang sesuai.

Jika diperhatikan sekarang, konsep rumah terbuka sudah menjadi kelaziman dalam berkunjung-kunjungan seperti tuan rumah menjemput dengan menyatakan hari dan waktu untuk menerima kunjungan saudara mara, teman, sahabat mahupun rakan sekerja. Dahulu tidak ada konsep rumah terbuka, pengunjung bebas 'melanggar' rumah orang untuk berhari raya sambil menikmati juadah yang dihidangkan. Secara tidak langsung ini dapat menjalin hubungan serta merapatkan lagi tali silaturahim.

Manakala adab-adab semasa berziarah, antaranya ialah memberi salam terlebih dahulu, memendekkan tempoh ziarah semasa berada di rumah orang, menjaga tatatertib dan tingkah laku kita selaku tetamu dan mereka yang datang berkeluarga membawa kanak-kanak juga perlu diawasi agar tidak berlari-lari ditakuti terjadi perkara yang tidak diingini terutama sekali perkara yang membawa kepada kerosakan hiasan milik tuan rumah itu.

Semasa hendak menikmati makanan yang dihidang perlu dengan tatatertib bukannya dengan mengambil atau mengaut sebanyak-banyaknya yang akhirnya membawa kepada pembaziran.

Selain itu, saat berkunjung janganlah kita bersikap 'membawang' mengata perihal orang lain, kawal percakapan daripada berkata yang sia-sia dan menyakiti hati orang lain. Saat untuk beredar perlulah meminta izin bersalaman dan bermaafan.

Apa yang penting, semoga Aidilfitri kali ini memberi sinar baharu untuk kita menjalani fasa kehidupan kita yang selanjutnya dalam mencapai reda Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Minal Aidil Wal Faizin.*





KADAR PENGANGGURAN KEKAL 3.3 PERATUS PADA FEBRUARI – DOSM

PUTRAJAYA, 8 April. - Kadar pengangguran pada Februari kekal 3.3 peratus, mencatatkan bilangan penganggur yang lebih rendah iaitu 567,000 orang, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata kedudukan tenaga buruh kekal stabil selaras dengan perkembangan aktiviti ekonomi semasa, merekodkan trend positif yang berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur menurun sedikit.

"Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada bulan itu terus merekodkan peningkatan bulan ke bulan, dengan pertambahan sebanyak 0.1 peratus kepada 17.07 juta orang berbanding 17.05 juta orang pada Januari.

"Kadar penyertaan tenaga buruh bulan Februari kekal pada 70.2 peratus seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya," katanya dalam kenyataan hari ini.

Selain itu, Mohd Uzir berkata bilangan penduduk bekerja terus meningkat dengan kenaikan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.51 juta orang berbanding 16.48 juta orang pada Januari 2024.

Bagaimanapun katanya, bilangan penganggur pada Februari terus berada dalam trend menurun, dengan penurunan kecil iaitu sebanyak 0.1 peratus kepada 567,000 orang berbanding bulan sebelumnya yang mencatatkan 567,300 orang, yang mencatatkan kadar pengangguran 3.3 peratus seperti pada bulan sebelumnya.

Mengulas lanjut mengenai

kedudukan guna tenaga, beliau berkata daripada jumlah penduduk bekerja pada Februari 2024, 75.2 peratus berada dalam kategori pekerja yang merekodkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 0.1 peratus kepada 12.41 juta berbanding 12.39 juta orang pada bulan sebelumnya.

Begitu juga penduduk bekerja sendiri, katanya berada pada trend meningkat, naik sebanyak 0.3 peratus kepada 3.02 juta orang berbanding bulan sebelumnya yang merekodkan 3.01 juta orang.

Dari segi sektor ekonomi, beliau berkata sektor perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja terutamanya dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit;

perkhidmatan makanan dan minuman, dan pengangkutan dan penyimpanan.

"Sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian, serta pertanian juga menunjukkan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja pada Februari 2024," jelasnya.

Mohd Uzir berkata sejajar dengan kedudukan ekonomi negara yang stabil, kebanyakan sektor ekonomi diunjurkan berkembang pada 2024, dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan akan menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan keseluruhan.

"Di samping itu, permintaan yang semakin meningkat terhadap pekerjaan profesional dalam perkhidmatan perniagaan dan pentadbiran dapat dilihat susulan

lebih banyak firma melancarkan platform e-dagang, menggunakan media sosial untuk pemasaran, meneroka analisis data untuk kecekapan, dan mengamalkan sistem automasi dan digital," katanya.

Beliau berkata permintaan domestik yang kukuh, berikutan perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan pada musim perayaan akan datang, juga dijangka menyokong aktiviti pengambilan pekerja, katanya.

Oleh itu, katanya kedudukan pasaran buruh dijangka terus berkembang pada bulan-bulan berikutnya, disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap guna tenaga ke arah ekonomi yang lebih baik. - ©BERNAMA

Kerjasama kedutaan, organisasi Islam Indonesia terus berkembang kukuh

JAKARTA, 8 April. - Kerjasama Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta dan organisasi-organisasi Islam Indonesia semakin berkembang, menandakan ikatan perpaduan dan saling menyokong yang erat.

Duta Besar Syed Md Hasrin Tengku Hussin berkata wujud spektrum kerjasama di pelbagai peringkat daripada dakwah kepada akademik seterusnya akidah hingga urusan perkahwinan dan keluarga.

Selain itu, hubungan dengan kedutaan dan organisasi-organisasi di Malaysia seperti Pejabat Agama, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan dan institusi pendidikan telah lama wujud, katanya.

"Kami komited untuk terus memupuk kerjasama dan memperhalusi hubungan sedia ada agar kekal teguh," katanya kepada Bernama selepas majlis berbuka puasa bersama organisasi-organisasi Islam pada Ahad.

Selain memperkuat hubungan Malaysia dan Indonesia dalam bidang keagamaan, Syed Md Hasrin menyatakan kedua-dua pihak akan sentiasa meletakkan kepentingan ummah sebagai keutamaan.

Diadakan di sebuah hotel, diskusi mereka turut menyentuh hal mendesak dalam masyarakat Islam, seperti konflik di Asia Barat dan krisis Rohingya berdasarkan dimensi dua hala, serantau dan global.

Acara dihadiri Ketua Umum Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia Dr H Adian Husaini, Ketua Pengurus Besar Nahdlatul Ulama Ahmad Suaedy dan Ketua Pimpinan Pusat Muhammadiyah Prof Syafiq Mughni. Wakil Menteri Agama dan kementerian serta Naib Pengerusi Badan Pengurusan Zakat Nasional Mokhammad Mahdum dan Setiausaha Agung Majelis Ulama Indonesia Dr Amirsyah Tambunan turut hadir.

Antara yang mengiringi Syed Md Hasrin, Timbalan Duta Farzanie Sarkawi, Menteri Kaunselor Hairul Reza Al Rashid, Setiausaha Pertama (Hal Ehwal Agama) Mohd Shamsuri Ghazali, dan Setiausaha Pertama Ammil Afiz Jasimi dan Setiausaha Pertama Mohd Faiz Firdaus Kamaruddin. - ©BERNAMA

Kira-kira 1.7 juta penduduk Semenanjung Gaza terpaksa tinggalkan kediaman

AMMAN, 8 April. - Lebih 1.7 juta penduduk di Semenanjung Gaza terpaksa melarikan diri sejak konflik Israel-Hamas meletus Oktober tahun lepas, kata Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) pada Ahad, lapor Agensi Berita Jordan (Petra).

"Sejak bermulanya perang, kemudahan UNRWA telah diubahsuai untuk menyediakan tempat perlindungan kepada ribuan keluarga yang tidak mempunyai tempat tinggal," katanya di platform X. Laporan yang disokong oleh PBB telah memberi amaran mengenai kebuluran yang "dijangka dan akan berlaku" di utara Gaza.

Bilangan penduduk di wilayah Palestin itu yang menghadapi "tahap malapetaka" kebuluran meningkat hampir dua kali ganda sejak Disember lepas. Sebilangan besar penduduk Gaza telah kehilangan tempat tinggal akibat perang Israel, dan kebanyakan infrastruktur penjagaan kesihatan di wilayah yang dikepung itu telah musnah. - ©BERNAMA

Aidilfitri : Baju Melayu semakin popular di selatan Thailand

PATTANI, 8 April. - Dalam kesibukan menyediakan kelengkapan menjelang hari lebaran, masyarakat Islam di selatan Thailand khususnya golongan muda tetap tidak lupa dengan pilihan fesyen pakaian tradisional. Selain jubah dan kurta, baju Melayu pelbagai warna kini semakin mendapat sambutan di sini, termasuk yang dihasilkan pereka tempatan.

Melihat trend ini, seorang pereka tempatan dan pencinta busana Melayu di Narathiwat, Muhammad Sabri Jehloh, 48, mendapat ilham untuk menghasilkan jenama sendiri iaitu "BUSTANI" untuk memenuhi permintaan anak muda tempatan sempena sambutan Aidilfitri ini.

"Bustani dari Pattani untuk Pattani. Ia adalah kebanggaan orang Pattani dan merupakan satu

jenama eksklusif dan setanding dengan jenama-jenama lain di pasaran," kata Muhammad Sabri kepada Bernama baru-baru ini.

Beliau berkata, bustani dalam bahasa Arab bermaksud "kebun" dan dalam konotasi rekaan baju Melayunya, membawa maksud sebuah tempat berteduh dan berhimpun untuk masyarakat Pattani.

"Inspirasi pertama untuk kita buat baju Melayu sendiri ialah kita tengok tiap-tiap tahun di Pattani pada raya ketiga, terdapatnya perhimpunan yang dihadiri antara 10,000 hingga 15,000 pemuda-pemudi yang menggayakan baju Melayu. Jadi saya tengok di situ kenapakah kita tidak mengambil peluang untuk mendapatkan hasil dari situ," katanya.

Sabri berkata 10 peratus daripada untung jualan akan disumbangkan kepada Tabung Palestin dan 20 peratus lagi akan digunakan untuk mewujudkan bengkel kemahiran jahitan khas untuk ibu tunggal di kawasan ini.

Sementara itu, seorang peniaga pakaian tradisional Melayu dan tanjak di sini, Ku Abdullah bin Ku Rambli, 32, berkata beliau kini sedang mendalami pengetahuan mengenai busana Melayu dari Malaysia.

"Kita orang Melayu kena jaga asas Melayu termasuk pakaian tradisional masyarakat Melayu. Terdapat minat yang amat meluas terhadap tanjak dalam dua tahun kebelakangan ini sehingga pembuat tanjak tidak sempat menyiapkan tempahan," katanya. - ©BERNAMA

UK beri amaran kebuluran di Gaza, hantar kapal tentera laut bawa bantuan

LONDON, 7 April. - Setiausaha Luar British mengeluarkan amaran pada Sabtu mengenai keadaan yang meruncing dan risiko sebenar kebuluran di Semenanjung Gaza sambil mengumumkan penghantaran sebuah kapal Tentera Laut Diraja untuk menyertai misi bantuan kemanusiaan di rantau itu, lapor Agensi Anadolu (AA).

Kerajaan British mengumumkan satu pakej sokongan tentera dan orang awam untuk mewujudkan satu koridor bantuan maritim ke Gaza, termasuk penghantaran sebuah kapal Tentera Laut Diraja untuk menyertai misi menyelamatkan nyawa di timur Mediterranean.

Kapal itu bersama bantuan UK (United Kindom) dan pakar British akan menyokong penubuhan sebuah koridor maritim bantuan kemanusiaan antarabangsa dari Cyprus ke Gaza, disokong oleh ramai rakan kongsi daripada kerajaan dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan dijangka beroperasi pada awal Mei, menurut kenyataan dikeluarkan

Kementerian Luar dan Kementerian Pertahanan UK.

Bersama-sama kapal itu, Kementerian Luar telah memperuntukkan sehingga £9.7 juta (US\$12.2 juta) untuk penyampaian bantuan termasuk kepakaran logistik dan sokongan peralatan kepada koridor berkenaan, menurut laporan itu.

UK mengulangi gesaannya untuk jeda serta-merta atas faktor kemanusiaan membawa kepada satu gencatan senjata yang mapan dan berkata ini adalah cara terpanjang membawa pulang tawanan dengan selamat dengan lebih banyak bantuan dapat dibawa masuk.

"Keadaan di Gaza meruncing dan kemungkinan kebuluran itu adalah nyata. Kami kekal komited untuk mendapatkan bantuan untuk disampaikan kepada mereka yang sangat-sangat memerlukan," kata Setiausaha Luar British David Cameron.

Menekankan akses kepada laluan darat kekal penting untuk

menyampaikan bantuan itu, beliau mengalu-alukan pembukaan laluan Erez dan Pelabuhan Ashdod tetapi menambah terdapat keperluan untuk terus meneroka segala pilihan, termasuk laut dan udara bagi memberikan kelegaan kepada penderitaan golongan paling rentan di dunia itu.

"Warga Gaza sedang menghadapi krisis kemanusiaan yang meruncing dan terdapat keperluan untuk memastikan bantuan dapat disampaikan kepada mereka," kata Cameron.

Lebih daripada 33,000 warga Palestin maut dan 75,577 cedera di Gaza selain daripada kemusnahan berskala besar kediaman dan infrastruktur serta kekurangan bekalan keperluan selepas diserang Israel sejak Oktober tahun lepas.

Israel didakwa melakukan genosid oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang memerintahkannya supaya mengambil lebih banyak tindakan bagi mengelakkan kebuluran di Gaza. - ©BERNAMA



RIBUAN HADIR MAJLIS BERBUKA PUASA DI DATARAN TRAFALGAR, LONDON

LONDON, 9 April. - Walaupun cuaca hujan, ribuan orang berkumpul hari ini di satu daripada lokasi paling ikonik di London, Dataran Trafalgar untuk majlis iftar atau berbuka puasa, pada bulan suci Ramadan. Sajian itu adalah sebahagian

daripada acara bertemakan Turkiye dengan penajaan utama oleh Direktorat Komunikasi Turkiye.

Datuk Bandar London Sadiq Khan adalah antara peserta majlis itu yang dianjurkan oleh Projek Khemah Ramadan, sebuah badan amal pemenang anugerah yang ditubuhkan pada 2013, lapor Agensi

Anadolu.

Selepas azan berkumandang, umat Islam berbuka puasa diikuti solat berjemaah.

Para peserta diberikan beg merah dengan kad Eid Mubarak (Hari Raya Aidilfitri) dan manisan Turkiye yang disediakan oleh Direktorat Komunikasi.

Khan ketika berucap di atas

pentas berkata inisiatif iftar terbuka itu berjaya mengumpulkan lebih 10,000 orang dalam tempoh 28 hari sepanjang Ramadan tahun ini.

Memuji inisiatif itu, beliau berkata menjalinkan persahabatan adalah perkara yang indah di acara iftar terbuka.

"Kegembiraan berbuka puasa

ini adalah kami dapat berkongsi agama kami dengan orang bukan Islam. Berbuka puasa ini adalah penawar terbaik kepada mereka yang ingin menyebarkan kebencian," katanya.

Khan turut menyampaikan juadah berbuka puasa kepada para hadirin di dataran. - ©BERNAMA

Mahkamah dunia mulakan pendengaran dakwaan Nicaragua Jerman bantu Israel lakukan genosid

BERLIN, 8 April. - Mahkamah Isnin mengenai kes dibawa Keadilan Antarabangsa (ICJ) Nicaragua yang mendakwa Berlin memulakan pendengaran pada mudah cara genosid di Gaza

dengan menyediakan sokongan politik dan ketenteraan kepada Israel.

Dalam ucapan pembukaannya, Duta Nicaragua Carlos Jose Arguello Gomez berkata negaranya meminta supaya mahkamah mengarahkan Jerman supaya menghentikan sokongan kepada serangan Israel di Gaza.

"Kes di hadapan kita melibatkan peristiwa yang menjejaskan kehidupan dan kesejahteraan ratusan ribu manusia dan malah kemusnahan keseluruhan warga wilayah berkenaan," lapor Agensi Anadolu yang memetik ucapan beliau.

"Pelanggaran undang-undang

kemanusiaan antarabangsa dan norma mesti dipatuhi dalam undang-undang antarabangsa termasuk genosid sedang berlaku di Palestin," katanya.

Duta itu menekankan bahawa dengan menyediakan sokongan politik dan ketenteraan kepada Israel, Jerman melanggar Konvensyen Genosid 1948 dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

"Nicaragua meminta mahkamah mengarahkan Jerman untuk menghentikan sokongan kepada Israel dalam kempennya menghapuskan rakyat Palestin," katanya.

Kerajaan Jerman kekal sebagai satu penyokong kuat serangan tentera Israel di Gaza, biarpun menerima tekanan yang semakin meningkat daripada orang ramai. Canselor Olaf Scholz berulang kali berkata Jerman memikul tanggungjawab khas kepada Israel kerana sejarah Nazi Jerman.

Berlin meluluskan eksport senjata bernilai €326.5 juta (US\$354 juta) ke Israel pada 2023, majoritinya diluluskan setelah Israel melancarkan serangan tentera ke atas Gaza pada 7 Okt lepas -- peningkatan 10 kali ganda daripada 2022. - ©BERNAMA

Arab Saudi salur US\$5 juta sediakan makanan untuk rakyat Palestin di Gaza

MOSCOW, April 9. - Arab Saudi telah menyalurkan US\$5 juta untuk Program Makanan Sedunia (WFP) bagi menyokong operasinya di Semenanjung Gaza dan menyediakan makanan kepada rakyat Palestin yang kehilangan tempat tinggal, yang terjejas akibat konflik itu, menurut WFP.

"Program Makanan Sedunia (WFP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengalu-alukan sumbangan US\$5 juta daripada Kerajaan Arab Saudi melalui Pusat Bantuan dan Kemanusiaan Raja Salman (KSrelief) untuk menyokong operasinya di Palestin," kata WFP dalam satu kenyataan pada Isnin, lapor Sputnik. Dana itu akan menyediakan bantuan makanan yang dapat menyelamatkan nyawa kira-kira 377,000 orang di kawasan berkenaan, menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

PM Kishida lawat AS, kali pertama dalam sembilan tahun

TOKYO, 8 April. - Perdana Menteri Jepun Fumio Kishida yang berlepas ke Washington pada Isnin, merupakan pemimpin pertama Jepun melakukan lawatan negara ke Amerika Syarikat (AS) dalam tempoh sembilan tahun - satu langkah yang menekankan peningkatan kepentingan persekutuan antara kedua-dua negara.

Semasa berada di AS, Kishida dijangka menghadiri satu sidang kemuncak bersama Presiden AS Joe Biden pada Rabu di Washington dan akan menyampaikan ucapan dalam satu sesi bersama Kongres AS pada keesokan harinya, lapor Agensi Berita Kyodo yang memetik pegawai Kerajaan Jepun.

Kishida yang dijadualkan pulang ke Tokyo pada Ahad dijangka meyakinkan lagi Biden tentang kepentingan kerjasama Jepun-AS dalam pelbagai bidang daripada keselamatan dan teknologi terkini sehingga pengukuhan rantaian bekalan, kata pegawai berkenaan.

"Saya mengesahkan bahawa Jepun dan AS telah membina satu hubungan yang lebih kukuh dan ia merupakan satu peluang penting untuk menyampaikan mesej ini kepada dunia, Kishida memberitahu wartawan sebelum berlepas dari Tokyo.

Kishida berkata lawatan negaranya ke AS akan membantu meningkatkan hubungan bilateral dan beliau akan menjadi Perdana Menteri Jepun pertama menyampaikan ucapan di Kongres AS sejak Shinzo Abe melakukannya pada April 2015. - ©BERNAMA

LOS ANGELES, 9 April. - Gerhana matahari penuh merentasi benua Amerika Utara pada Isnin, menyaksikan penduduk dan pelawat berkumpul di lokasi berbeza di laluan gerhana itu untuk melihat fenomena berkenaan, lapor Xinhua.

Gerhana matahari penuh - yang digelar sebagai "Great North American Eclipse" kerana laluannya yang panjang merentasi Amerika Utara

- kelihatan di langit di bahagian Mexico, 15 negeri Amerika Syarikat (AS) dan timur Kanada.

Bandar Mazatlán di Mexico adalah lokasi pertama yang menyaksikan gerhana matahari penuh ketika ia muncul di Lautan Pasifik pada Isnin.

Gerhana matahari penuh dapat dilihat di Mazatlán pada 11:07 pagi waktu Pasifik dan berlangsung lebih sedikit dari empat minit.

WASHINGTON, 9 April. - Seorang wanita berusia 22 tahun di Florida ditahan kerana menembak kenderaan lain di lebuh raya antara negeri, mendakwa bahawa dia diarahkan berbuat demikian oleh Tuhan berhubung gerhana matahari, kata Peronda Lebuhraya Florida dalam satu kenyataan, lapor Sputnik.

"Hari ini, anggota Trooper Balai Polis Florida bertindak balas terhadap laporan penembak aktif di Holmes County. Suspek yang dilaporkan adalah seorang wanita yang baru-baru ini keluar dari hotel tempatan dan memberitahu kakitangan hotel bahawa dia

akan melepaskan tembakan secara rambang, diarahkan oleh 'Tuhan' berkaitan dengan gerhana matahari," menurut kenyataan itu pada Isnin.

Wanita itu, yang dikenal pasti sebagai Taylon Celestine dari Georgia, didakwa dengan cubaan membunuh, tindakan menyerang menggunakan senjata yang boleh membunuh dan melepaskan senjata api secara tidak wajar, kata kenyataan itu.

Celestine didakwa telah melepaskan beberapa tembakan ke arah sebuah kereta, menyebabkan lengan pemandu mengalami kecederaan. Wanita

itu juga didakwa menembak ke arah sebuah kereta lain, melukakan pemandu di leher, menurut kenyataan itu.

Polis menahan Celestine tanpa sebarang kejadian dan menemukan senapang AR-15 dan pistol 9mm dari keretanya.

Biro Siasatan dan Perisikan Peronda Lebuhraya Florida sedang menyiasat kejadian itu, kata kenyataan itu.

Pada Isnin, fenomena gerhana matahari penuh dapat dilihat di Amerika Syarikat dengan tahap liputan yang berbeza-beza. - ©BERNAMA

Amerika Utara saksi fenomena gerhana matahari penuh

Laluan gerhana itu berterusan dari Mexico, memasuki AS di Texas dan melalui Oklahoma, Arkansas, Missouri, Illinois, Kentucky, Indiana, Ohio, Pennsylvania, New York, Vermont, New Hampshire dan Maine. Sebahagian kecil Tennessee dan Michigan juga boleh mengalami gerhana matahari penuh, menurut Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan AS (NASA).

Bandar-bandar di negeri Maine akan menjadi lokasi terakhir di AS untuk mengalami gerhana matahari penuh, menurut siaran langsung NASA.

Gerhana itu memasuki Kanada di Ontario Selatan dan berterusan melintasi Quebec, New Brunswick, Pulau Prince Edward dan Cape Breton. Gerhana itu keluar dari benua Amerika Utara di pantai Atlantik Newfoundland, Kanada, pada 5.16 petang waktu siang Newfoundland, menurut NASA.

Gerhana kini telah berakhir untuk semua kawasan daratan.

Walaupun sesetengah tempat mempunyai awan yang menyekat pandangan penuh, orang ramai masih teruja dan bersorak melihat langit petang bergelap seketika.

Gerhana matahari penuh

berlaku apabila matahari dilindungi sebentar oleh bulan yang berada pada kedudukan selari dengan bumi. Langit akan gelap seolah-olah subuh atau senja.

Banyak bandar di laluan itu menganjurkan acara tontonan awam dan memberikan cermin mata keselamatan gerhana. Di beberapa zoo, penyelidik menyertai orang ramai untuk melihat bagaimana tingkah laku haiwan.

Selepas gerhana matahari penuh pada Isnin, fenomena yang sama seterusnya boleh dilihat di AS pada 23 Ogos 2044, menurut NASA. - ©BERNAMA



PERLAWANAN PIALA SUMBANGSIH 2024 BERLANGSUNG 10 MEI

KUALA LUMPUR, 9 April. - Saingan Liga Malaysia (Liga-M) musim depan akan membuka tirai dengan aksi Piala Sumbangsih antara juara Liga Super 2023, Johor Darul Ta'zim (JDT) dan naib juara Selangor FC pada 10 Mei.

Liga Bolasepak Malaysia (MFL) dalam satu kenyataan memaklumkan perlawanan pembuka tirai itu, akan berlangsung di Stadium Sultan Ibrahim di Iskandar Puteri, Johor dan disusuli dengan saingan Liga Super 2024/2025 pada hari berikutnya. Pemenang pada

perlawanan berkenaan dalam masa sama akan meraih tiga mata, yang turut dikira dalam kedudukan carta Liga Super musim baharu itu.

MFL dalam pada itu mengumumkan jadual perlawanan minggu pertama sehingga minggu ke-13 (LS1-LS13) melibatkan perlawanan 13 kelab yang akan bertanding dalam Liga Super 2024/2025 menerusi satu pautan di laman sesawang rasminya.

"Bagaimanapun sekiranya badan bebas, First Instance Body (FIB)

memutuskan hanya 12 kelab sahaja yang layak bertanding di dalam Liga-M musim ini, MFL akan mengemas kini semula kalendar dan jadual pertandingan Liga-M yang lengkap untuk semusim," menurut kenyataan itu.

MFL dalam masa sama menjelaskan penyediaan kalendar Liga-M musim baharu telah mengambil kira pelbagai aspek, antaranya kalendar Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) 2023 melibatkan latihan pasukan kebangsaan (kelayakan Piala Dunia 2026), Liga Juara-

juara AFC Elit (ACLE) dan Liga Juara-juara AFC 2 (ACL2).

Kejohanan Piala FA pula bakal berlangsung pada 13 Jun sehingga aksi final pada 24 Ogos. Menurut kenyataan itu, format pertandingan Piala FA 2024 akan dimaklumkan selepas pengesahan oleh FIB, berkenaan jumlah kelab yang akan bertanding di dalam Liga-M termasuk bagi Piala Malaysia dan Piala Cabaran MFL. Manakala jadual dan format pertandingan Piala MFL akan dimaklumkan dalam masa terdekat. - ©BERNAMA

Mohd Rizzua tekad lebur rekod Rayzam Shah dalam masa dua tahun

KUALA LUMPUR, 9 April. - Atlet 110m (meter) lari berpagar kebangsaan Mohd Rizzua Haizad Muhamad bertekad untuk memecahkan rekod kebangsaan acara itu yang menjadi milik Rayzam Shah Wan Sofian yang dipegang sejak 2017, dalam tempoh dua tahun akan datang.

Mohd Rizzua berkata sasaran itu ditetapkan setelah merasakan prestasinya kian meningkat selepas mendapat sentuhan legenda olahraga negara Nur Herman Majid, sejak tahun lepas.

"Insya-Allah.. saya sasar untuk capai kemuncak dalam masa dua tahun lagi. Jika saya benar-benar fit, saya harap dapat pecah rekod kebangsaan," katanya kepada Bernama.

Rayzam Shah mencatat kepantasan 13.67 saat (s) ketika menjuarai final sebuah kejohanan di Weinheim, Jerman pada 2017, sekali gus meleburkan rekod kebangsaan berusia 23 tahun milik Nur Herman iaitu 13.73s pada Sukan Asia 1994 di Hiroshima, Jepun.

Atlet berusia 27 tahun itu berkata dorongan serta bimbingan diberikan Nur Herman sepanjang latihan ternyata

membuahkan hasil apabila beliau berjaya memperbaiki rekod peribadi terbaiknya 13.85s yang dilakarnya pada Kejohanan Olahraga Asia 2023 di Bangkok, Thailand.

"Banyak saya pelajari daripada Nur Herman seperti teknik larian kerana beliau sangat 'gempak' dari segi itu, jadi satu kerugian jika saya tidak memanfaatkan apa yang saya dapat darinya" kata Mohd Rizzua. Selain memecahkan rekod kebangsaan, atlet dari Kota Samarahan, Sarawak itu juga memasang impian untuk merangkul pingat pada Sukan SEA akan datang.

Beliau yang pernah beraksi sebanyak dua kali di pentas temasya dwitahunan itu belum pernah memenangi sebarang pingat ketika edisi 2017 di Kuala Lumpur dan 2021 di Hanoi, Vietnam.

Sementara itu Mohd Rizzua berkata setakat ini beliau dijadual menyertai beberapa kejohanan luar negara termasuk Terbuka Taiwan 2024 pada Jun sebelum mengharungi kempen Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024 di Surabaya dan Malang, Indonesia. AUG 2024 dijadual berlangsung dari 25 Jun hingga 6 Julai ini. - ©BERNAMA

Piala Asia U-23 2024 : Skuad Harimau Muda tewas kepada Qatar dalam perlawanan persahabatan

KUALA LUMPUR, 8 April. - Pasukan bola sepak negara bawah-23 (B-23) terus dirundung malang dengan kekalahan tipis 0-1 kepada pasukan Qatar dalam perlawanan persahabatan antarabangsa tertutup terakhir mereka sebelum kempen Piala Asia U-23 2024 bermula.

Sepakan penalti yang disempurnakan oleh penyerang tengah Ahmad Al-Rawi pada masa kecederaan separuh masa pertama terbukti menjadi penentu buat pasukan tuan rumah untuk memastikan kemenangan ke atas Harimau Muda.

Ia merupakan kekalahan kedua berturut-turut pasukan bimbingan Juan Torres Garrido ini, selepas tewas 1-2 kepada China dalam satu lagi perlawanan persahabatan Khamis lepas di Doha.

Bercakap kepada media selepas perlawanan, Garrido mengaku bahawa pasukan Ilidio Vale mempamerkan rentak dan fizikal yang unggul.

"Pemain negara nampak bergelut pada separuh masa pertama untuk menyamai

rentak lawan, tetapi pada separuh masa kedua kita nampak para pemain dapat bertindak balas dengan baik.

"Secara keseluruhannya saya rasa permainan ini sangat bermanfaat bagi menyediakan pasukan menghadapi kejohanan dalam tempoh masa kira-kira seminggu lagi," katanya dalam klip video yang dikongsi Persatuan Bola Sepak Malaysia kepada media, hari ini.

Dalam kempen Piala Asia B-23 2024 Malaysia yang diundi dalam Kumpulan D akan memulakan saingan dengan menentang Uzbekistan pada 17 April, diikuti Vietnam (20 April) dan Kuwait (23 April) dengan misi mara sekurang-kurangnya ke peringkat suku akhir.

Hanya dua pasukan teratas dalam setiap kumpulan layak ke suku akhir dan berpeluang meneruskan cabaran merebut tiga slot automatik ke Sukan Olimpik Paris 2024, manakala pasukan keempat terbaik kejohanan itu akan bermain perlawanan play-off menentang Guinea di Paris Mei ini. - ©BERNAMA